



SELANGOR



PERCUMA 20 - 27 November 2015, 8 - 15 Safar 1437 www.selangorku.com

#SmartSelangor

Komitmen jitu peduli rakyat

TARIF AIR KEKAL

KERAJAAN Negeri terus membuktikan komitmen peduli rakyat apabila prihatin dengan bebanan yang dihadapi ekoran kenaikan harga barang terutama sejak pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) apabila memberi jaminan tarif air di Selangor kekal.

Belanjawan 2016 juga memperuntukkan RM170 juta bagi skim air percuma bertujuan memberi manfaat kepada kumpulan yang layak menikmati kemudahan ditawarkan Kerajaan Negeri sejak Pakatan Rakyat mentadbir Selangor, pada 2008.

Kerajaan Negeri juga memberi jaminan skim pemberian air percuma akan dikekalkan di samping menambahbaik dengan program pendidikan dan kesedaran berhubung kepentingan penjimatan air.

- Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali

YAM Tengku Sulaiman Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah diiringi Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menyampaikan Selangor Excellence Business Awards (SEBA) 2015 anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Selangor (DPMM) dengan kerjasama Majalah Pemimpin di Hotel Concorde, Shah Alam. Lebih 25 kategori diiktiraf dan diberi penghormatan sebagai tanda sumbangan besar usahawan ke arah pembangunan ekonomi Selangor



Gambar oleh Shuaib Ayob

Kursus kahwin di Paris juga dipertikai

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Jamil Khir Baharom diingatkan supaya menggunakan kapasiti dan wang sendiri untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Pengarah Pusat Pemantauan dan Pendedahan Maklumat Kebang-

saan (NOW), Akmal Nasir.

Ketua Angkatan Muda KEADILAN (AMK), Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ia bagi mengelakkan insiden sama berulang apabila Jamil Khir dan dua pegawai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menggunakan wang zakat untuk kos guaman.

"Pada 2011, Jamil Khir dan

dua pegawai MAIWP menggunakan RM63,650 wang zakat untuk membiayai kos guaman mereka dalam kes permohonan qazaf Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Wang zakat seperti wang kebajikan yang juga diamanahkan untuk diagihkan kepada asnaf atau golongan ditetapkan bukannya untuk kegunaan sang men-

teri," katanya dalam kenyataan, pada 17 November lalu.

Pada masa sama, Nik Nazmi turut mengkritik tindakan Jamil Khir yang memberi alasan lemah terhadap bukti dinyatakan Akmal.

Terdahulu, Akmal yang juga Pengarah Strategi AMK mempertikaikan program 'Simposium Perdana Paris: Isu Perkahwinan,

Kekeluargaan, Keusahawanan dan Pengurusan' yang dianjurkan YaPEIM, di Paris.

Akmal berkata, program yayasan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menelan belanja RM290,000 itu tidak membabitkan anak yatim sedangkan ia menggunakan dana Yayasan Pembangunan Anak Yatim/Miskin (Pemangkin).

Selangor belanja RM170 juta

Rakyat disaran berhemah



Kerajaan Selangor diberikan penerangan berkenaan operasi SYABAS semasa lawatan ke ibu pejabat syarikat itu

OLEH NAZLI IBRAHIM

AMPANG - Kerajaan Negeri sedang mengkaji mekanisme bagi memastikan 20 meter padu air percuma yang diberikan sejak 2008 menepati sasaran penggunaannya.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata hal itu berikutan terdapat sesetengah pihak menggunakan air terawat secara tidak berhemah, sekali gus memberi kesan besar kepada Selangor.

"Terdapat pihak gunakan air terawat untuk menyiram pokok dan membasuh kenderaan sedangkan ia boleh dilakukan menggunakan air hujan.

"Mungkin kita gunakan dasar baru, operator mencuci kereta di

pihak berkuasa tempatan (PBT) harus guna air hujan bagi menjimatkan air. Ini sebahagian langkah yang sedang difikirkan dan pengurusan baru akan bertegas," katanya.

Mohamed Azmin berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penyerahan Pembekalan Tong Sampah Percuma kepada PBT di Selangor di Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya, di sini, pada 9 November lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri sudah membelanjakan RM170 juta untuk memberikan air percuma dan peruntukan besar itu harus dimanfaatkan sebaiknya dengan rakyat lebih cermat bagi memastikan kelangsungan bekalan air terawat sentiasa pada paras memuaskan.

"Selangor sekali lagi mencatatkan rekod dunia apabila menggunakan air 235 liter seorang sehari. (Adakah) orang Selangor mandi sehari 10 kali? Cermat dan bertanggungjawablah guna air terawat," katanya.

Selain pembaziran penggunaan air, Selangor turut berhadapan dengan isu peratusan air tidak berhasil (NRW) tertinggi di rantau ini iaitu 34 peratus sehingga menyebabkan kerugian jutaan ringgit setiap tahun.

"Kita sudah rancang strategi perniagaan bagi memastikan Air Selangor dapat menguruskan industri ini lebih cekap dan efisien, mesra rakyat membabitkan pelaburan besar menurunkan NRW serta kesedaran awam untuk tidak membazir," katanya.

Kaji beri lebih banyak air percuma

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri sedang meneliti pemberian air percuma lebih tinggi kepada golongan berpendapatan rendah yang layak dan ia juga memberi manfaat dalam meringankan beban bulanan mereka, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

"Cadangan itu bertanggungjawab dan baik. Belanjawan 2016 memperuntukkan RM170 juta bagi skim air percuma untuk dimanfaatkan kepada kumpulan yang wajar.

"Kerajaan Negeri memberi jaminan skim air percuma dikekalkan. Pada masa sama program pendidikan dan kesedaran penjimatan air perlu diberi perhatian," katanya

menjawab soalan tambahan Gan Pei Nei (KEADILAN-Rawang) dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 12 November lalu.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri memberi subsidi skim air percuma 20 meter padu dengan penggunaan meter individu.

Melaluinya, setiap penghuni berpeluang merasai tawaran air percuma berjumlah RM10.72 setiap bulan.

Mohamed Azmin (KEADILAN-Bukit Antarabangsa), berkata pembaikan paip pecah akan menelan belanja RM65 juta bagi tahun depan.

"Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd akan mengkaji peruntukan pembaikan paip pecah supaya berfungsi lebih baik dan cekap," katanya.

FAKTA - AIR PERCUMA



- Sejak diperkenalkan pada 2008, Kerajaan Negeri sudah membelanjakan RM1.06 bilion
- Bagi 2016, Kerajaan Negeri komited meneruskan program air percuma dengan belanja RM170 juta
- Secara puratanya setiap bulan, 1.1 juta akaun meter individu dan 65,000 unit pangsapuri kos rendah mendapat manfaat daripada program air percuma
- Statistik mendapati kadar penggunaan domestik adalah 236 liter per orang sehari sangat tinggi berbanding kadar penggunaan di Singapura hanya 170 liter per orang sehari

Gembira air percuma dan tarif kekal

SHAH ALAM - Kebanyakan rakyat Selangor melahirkan rasa syukur juga gembira ekoran pemberian air percuma kekal terutama bagi mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Kakitangan awam, Rusmiana Mior Sadon, 30, berkata dia rasa bersyukur apabila Kerajaan Negeri terus mengekalkan pemberian air percuma kerana itu menunjukkan keprihatinan terhadap rakyat.

"Saya berbangga jadi rakyat Selangor kerana bukan saja dapat air percuma tetapi anak lahir juga dapat duit dalam program TAWAS.



Rusmiana Mior Sadon

"Ini menunjukkan Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam membantu keperluan rakyat seperti kami yang berpendapatan sederhana," katanya.

Sementara itu, pelajar Uni-



Aisyah Khairi

versiti Pengurusan dan Sains (MSU), Aisyah Khairi, 23, berkata pengkalan air percuma meringankan beban rakyat khususnya golongan mahasiswa.

"Pelajar seperti kami yang



Wan Raffidah

duduk di rumah sewa memang sangat terkesan kerana bukannya bergaji untuk bayar pelbagai bil.

"Semua perkara menggunakan duit pinjaman yang tidak

seberapa itu. Manfaat air percuma dapat menjimatkan perbelanjaan bulanan kami," katanya.

Kakitangan awam, Wan Raffidah Wan Yusoff, 37, berkata inisiatif Kerajaan Negeri itu amat dihargai semua lapisan masyarakat.

"Alhamdulillah dah bertahun saya jadi rakyat Selangor dan bil air tak pernah dibayar, sejak 2008.

"Sokongan saya kepada Kerajaan Pakatan akan terus kekal hingga pilihan raya akan datang dan berharap pentadbiran Mohamed Azmin Ali akan terus menguruskan Selangor sebagai negeri berkeadilan," katanya.

Tolak urus budaya 'sendiri-sendiri'

PORT DICKSON - Pembedan Menteri Besar (MB) mengambil inisiatif mengadakan pertemuan bersama wakil anak syarikatnya untuk menentukan hala tuju.

Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreen Raja Othman, berkata walaupun MBI ditubuhkan sejak sekian lama, namun pembedan itu tidak pernah berkongsi pelan atau idea bersama anak syarikat.

Beliau berkata, melalui perbincangan itu semua anak syarikat dapat memahami peranan dan tugas masing-masing dalam setiap industri.

"Kita tidak pernah mengadakan pertemuan atau penyatuan bersama, tidak berbincang dan duduk semeja untuk berkongsi rancangan serta idea secara berkumpulan.

"Berbanding dahulu yang lebih 'sendiri-sendiri', kita dapat berbincang keupayaan serta kekuatan anak syarikat yang ada di samping perancangan masa hadapan mereka," katanya kepada Selangor Kini.

Raja Shahreen bersama wakil anak syarikat lain menyertai program Rancangan Baikpulih Perniagaan kumpulan MBI, di sini, pada 14 November lalu.



Raja Shahreen

Mengulas Belanjawan Selangor 2016 yang diluluskan 13 November lalu, beliau berkata MBI yakin semua anak syarikat mampu menyokong Kerajaan Negeri mencapai hasrat dan sasaran ditetapkan.

"Kita sedar dalam belanjawan itu MBI perlu mencari sumber kewangan yang pelbagai ekoran kebergantungan kepada hartanah terlalu tinggi iaitu lebih kurang 78 peratus. Diharap, anak syarikat dapat menyumbang dividen serta terus menyokong rancangan atau idea Kerajaan Negeri," katanya.

Sekretariat khas pantau anak syarikat MBI

PORT DICKSON - Perkembangan anak syarikat (GLC) pada 2016 akan dipantau badan sekretariat khas Pembedan Menteri Besar (MB), kata Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreen Raja Othman.

Raja Shahreen berkata, badan itu dengan kerjasama agensi kerajaan memastikan laporan prestasi disemak setiap dua hingga tiga bulan dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri.

"Kita membincangkan setiap isu atau idea dibentangkan ketika belanjawan untuk melihat apa perkembangan pelaksanaan dan masalah yang timbul.

"Jika berlaku kesulitan, kita boleh cari kaedah supaya usaha itu dipercepat dan memastikan ia sentiasa bergerak," katanya kepada Selangor Kini ketika mengetuai program Rancangan Baikpulih Perniagaan kumpulan MBI di sini, pada 14 November lalu.

Beliau berkata, laporan prestasi

"Jika berlaku kesulitan, kita boleh cari kaedah supaya usaha itu dipercepat dan memastikan ia sentiasa bergerak"

RAJA SHAHREEN
Ketua Pegawai Eksekutif MBI

itu kemudiannya dibentangkan kepada Dato' Menteri Besar untuk melihat dan mengenalpasti GLC atau agensi yang tidak menepati sasaran.

"Ia bagi memastikan anak syarikat menyumbang kepada Kerajaan Negeri dengan mematuhi sasaran dividen ditetapkan. Syarikat lesu akan melalui program transformasi supaya segala dirancangan untuk tahun hadapan dapat dipenuhi sebaik mungkin," katanya.

MB: Teliti semula projek *The Louvre*

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan meneliti semula kelulusan pembinaan pangapuri mewah, *The Louvre*, Kajang, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Mohamed Azmin berkata, beliau menerima beberapa memorandum bantahan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidah berkenaan pelaksanaan projek itu.

"Sebarang bantahan dikemukakan penduduk diteliti Kerajaan Negeri dan kita mengambil langkah aktif melihat bagaimana projek itu dapat mengimbangi bantahan diterima.

"Beberapa pindaan dibuat hasil daripada bantahan berkenaan tetapi ia masih dikemukakan," katanya dalam penggulungan peruntukan pembangunan Belanjawan Selangor 2016, di Sidang Dewan Negeri, di sini, pada 12 November lalu.

Katanya, beliau sendiri menghubungi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) untuk memastikan pihak berkuasa tempatan terbabit dapat menyemak semula projek itu.

"Jika ada bukti bantahan dikemukakan, saya pastikan MPKj mematuhi syarat dan undang-undang ditetapkan.

"Diingatkan, apa yang kita tidak terima adalah jika terdapat unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam memberikan kelulusan ini. Kita tidak berkompromi," katanya.



Model bangunan *The Louvre* 36 tingkat yang menjadi pertikaian penduduk sekitar Kajang

Sebelum ini, PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidah mendakwa pemaju projek berkenaan tidak mematuhi spesifikasi pembinaan terkandung dalam RT MPKj (Penggubahan 1 - 2020).

Projek berkenaan juga didakwa tidak mematuhi sempadan projek dan tidak menyatakan nombor fail serta tarikh dalam papan tanda.

Projek mewah itu mendapat bantahan orang ramai kerana mengancam keselamatan, mengganggu pembelajaran, mewujudkan persekitaran tidak sihat terhadap pelajar dan menjadikan tapak sekolah rebutan pemaju.

Sementara itu, Exco Kerajaan

Tempatan Selangor, Ean Yong Hian Wah, berkata antara tindakan yang diambil termasuk memberi beberapa syarat tambahan supaya pemaju boleh membetulkan kelemahan seperti aduan orang ramai.

"Kita akan meneliti cadangan dan bantahan terbaru mereka iaitu relevan atau memang ada isu. Kita akan bertindak untuk menyelesaikan situasi itu dengan meletakkan syarat baru yang difikirkan sesuai dengan bantahan," katanya ketika dihubungi Selangor Kini, di sini, pada 16 November lalu.

Katanya, sebelum ini Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) sudah memberi beberapa syarat tambahan kepada pemaju projek kondominium mewah itu selepas mengambil kira bantahan yang dibuat orang ramai, awal tahun ini.





Berjaya tingkat hasil

MB: Bonus lebih tinggi tahun depan

OLEH NAZLI IBRAHIM

AMPANG - Kerajaan Selangor tidak teragak-agak membayar bonus lebih tinggi berbanding pemberian sedia ada iaitu sebulan setengah gaji jika berjaya memungut hasil memberangsangkan tahun hadapan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pemberian bonus itu adalah bayaran tertinggi mengatasi Kerajaan Persekutuan dan negeri lain.

"Kejayaan ini tak dapat dicapai tanpa pengorbanan dan komitmen anggota perkhidma-

tan awam menjayakan polisi Selangor.

"Sebab itu, kita berikan bonus sebulan setengah gaji berbanding Kerajaan Persekutuan hanya RM500 dan negeri lain pula cuma setengah bulan sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penyerahan Pembekalan Tong Sampah Percuma kepada Pihak Berkuasa Tempatan Selangor di Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya, di sini, pada 9 November lalu.

Mohamed Azmin berkata, walaupun pada 2016 dijangka belanjawan defisit RM600

“

Jika duit banyak kita boleh bagi bonus lagi besar. Tunggu dan lihat

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

juta tetapi beliau percaya kewibawaan kakitangan awam mampu menjadikan surplus.

"Jika duit banyak kita boleh bagi bonus lagi besar. Tunggu dan lihat," katanya.

BN jangan jadi raja putar belit

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri tidak perlu menyediakan kertas putih untuk menerangkan isu Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) memandangkan syarikat itu masih belum beroperasi.

NgSueeLim (DAP-Sekinchan), berkata beliau mengalu-alukan pembangkang untuk membuat laporan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika tidak berpuas hati terhadap penerangan Kerajaan Negeri.

"Yang perlukan (kertas putih) adalah 1Malaysia Development Berhad (1MDB) selepas hampir RM42 bilion tergadai. Pergi beri-

tahu Najib, kalau tidak puas hati dengan Kerajaan Negeri buat laporan di SPRM," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 13 November lalu.

Penyata itu adalah berkenaan saranan penambahbaikan struktur tadbir urus korporat Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) dan anak syarikat (GLC).

Katanya, tindakan Barisan Nasional (BN) membuat jelajah

seluruh negeri memburukkan DEIG bertujuan mencari modal politik untuk menimbulkan keraguan.

Bagaimanapun, beliau yakin rakyat semakin bijak untuk tidak terpengaruh terhadap dakwaan tidak berasas daripada BN Selangor.

"Pembangkang semakin 'lesu' dan sengaja membangkitkan isu DEIG dengan agenda tersirat menimbulkan keraguan kononnya mempunyai skandal sehingga Sungai Panjang (Budiman Mohd Zohdi) membuat jelajah. Nasihat saya hentikanlah, jangan jadi raja putar belit," katanya.

Pengurusan baharu MBI berdaya saing

SHAH ALAM - Pengurusan baharu Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) sudah mengemukakan draf awal syor penambahbaikan enakmen badan berkenaan untuk disemak susulan isu Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG).

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata draf awal sudah diserahkan kepada penasihat undang-undang negeri untuk disemak di kamar undang-undang dan tindakan itu pertama kali dilakukan sejak MBI ditubuhkan pada 1994 yang gagal dilaksanakan pentadbiran terdahulu.

"Saya nak umumkan pengurusan baru MBI, terdiri daripada profesional muda berdaya saing dan berwibawa yang sudah mengemukakan draf awal penambahbaikan enakmen MBI kepada penasihat undang-undang negeri dan sedang diteliti kamar.

"Kalau saya nak gunakan kuasa mutlak selaku Menteri Besar seperti yang dituduh beberapa individu, maka tidak perlu pinda enakmen MBI sebab kuasanya besar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi penggulungan perbahasan usul Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) berkenaan saranan penambahbaikan struktur tadbir urus korporat MBI dan Anak-anak

Syarikat (GLC), di Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 13 November lalu.

Katanya, tindakan meminda enakmen berkenaan bagi membolehkan aset sedia ada diuruskan dengan lebih telus serta bertanggungjawab.



Mohamed Azmin (KEADILAN-Bukit Antarabangsa) selaku wakil Kerajaan Negeri menafikan

pihaknya takut terhadap hujah yang dikemukakan dalam DNS, bahkan beliau sendiri berdiri selama 37 minit pada sidang lalu bagi menjawab kepada jawatankuasa sama berhubung penubuhan DEIG.

"Saya ambil tanggungjawab menjawab soalan berbangkit kerana melihat ada kecenderungan memutarbelitkan fakta berkenaan penubuhan DEIG sehingga menjadi topik perbincangan hebat.

"Bahkan ada pihak cuba membuat 'roadshow' (jelajah) di seluruh Selangor, forum setiap malam kononnya rakyat mahu mendengar penjelasan tetapi saya lihat kerusi lebih banyak daripada orang yang hadir. Seheinggakan 'roadshow' itu tinggal 'road' sahaja 'show' tiada," katanya.

Beliau turut menasihatkan Adun Pakatan supaya tidak terlalu ghairah berhujah ekoran kebimbangan manipulasi fakta, sekali gus membuka ruang pertikaian pihak tidak bertanggungjawab dan menenggelamkan isu Belanjawan Selangor 2016.

Tamat perkhidmatan perkara biasa

SHAH ALAM - Penamatan perkhidmatan pegawai tertentu adalah perkara biasa apabila sesebuah syarikat diambil alih pengurusan baharu, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Katanya, tindakan sama dibuat pengurusan baharu di dalam Puncak Niaga Holdings Berhad (Puncak Niaga) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) bagi melancarkan penyusunan semula dan proses operasi syarikat berkenaan.

"Itu biasa dalam pengambilalihan mana-mana syarikat. Kita mahu pengurusan baharu menerajui syarikat dan industri ini mengikut

dasar Kerajaan Negeri," katanya di lobi Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 11 November lalu.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri memberi jaminan semua pegawai dan kakitangan syarikat itu dikekalkan pengurusan baharu.

Katanya, hal itu kerana sebahagian besarnya mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang tertentu.

"Kita mahu mereka terus memberikan perkhidmatan kepada pengurusan baharu tetapi mungkin ada sedikit pengubahsuaian bagi menentukan bidang tugas supaya peranan mereka lebih jelas," katanya.

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali memuji toleransi PAS yang menarik diri daripada menawarkan calon mereka untuk dilantik sebagai Ahli Dewan Negara.

Mohamed Azmin (KEADILAN-Bukit Antarabangsa), berkata PAS juga terang-terangan menyokong calon yang dikemukakan KEADILAN dan DAP.

Katanya, sikap itu menunjukkan kematangan perjalanan Dewan Negeri selain membuktikan konsensus dan permuafakatan juga sebahagian proses demokrasi.

"Kerajaan Negeri ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada PAS. Ini suatu

Demokrasi bukan sekadar tembung dan lawan

perkara yang cukup sihat.

"Demokrasi tidak seharusnya kita bertembung dan berlawan," katanya ketika ucapan penutup sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 13 November lalu.

Terdahulu, DNS meluluskan usul melantik Pengerusi KEADILAN Perak, Dr Muhammad Nur Manuty dan bekas Timbalan Pengerusi DAP Selangor, T Chandra Mohan

sebagai Ahli Dewan Negara mewakili negeri itu bagi tempoh tiga tahun.

Pencalonan Muhammad Nur dicadangkan Mohamed Azmin, manakala Chandra Mohan dicadangkan Exco Kanan Negeri, Datuk Teng Chang Khim (DAP-Sungai Pinang).

Mohamed Azmin berkata, PAS juga mengemukakan seorang

calon untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Dewan Negeri sebelum membuat keputusan menarik diri.

"Ini yang Umno tak mahu, kalau boleh dia nak tengok tadi kita berpecah. Kita mungkin ada perbezaan pandangan dan pendapat tetapi saya jamin Selangor ditadbir dengan amanah serta bertanggungjawab," katanya.

“

Demokrasi tidak seharusnya kita bertembung dan berlawan

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Naik taraf bangunan SUK

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri disaran mempertimbangkan cadangan menaiktaraf dan membina blok baru Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

Dr Yaakob Sapari (KEADILAN-Kota Anggerik) berkata, hal itu ekoran beberapa kemudahan atau bahagian di bangunan terbabit semakin sesak termasuk kawasan parkir dan pejabat Exco.

"Lifnya hampir sama macam

rumah kos rendah, bahkan parkir Adun semakin sesak. Bila saya tengok pejabat Exco belia pula tak sebegini.

"Saya cadangkan Kerajaan Negeri timbangkan untuk bina bangunan baru kerana dah sampai masanya ada parkir bertingkat," katanya ketika membahaskan usul Belanjawan Peruntukan Pembangunan 2016 pada persidangan Dewan Negeri Selangor

(DNS), pada 11 November lalu.

Bangunan SUK di Shah Alam yang menempatkan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri mula dibina pada 1977.

Selain menempatkan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), pusat pentadbiran itu turut menempatkan bangunan DNS, Annex dan Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah.

Penguatkuasa ditambah elak curi pasir

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor meluluskan pengambilan 100 penguatkuasa dan 15 penolong pegawai tanah sebagai usaha meningkatkan penguatkuasaan kecurian pasir.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ketetapan itu diambil memandangkan kes kecurian pasir masih dilaporkan walaupun pada skala kecil lima ekar ke bawah.

"Penambahan anggota penguatkuasaan di pejabat tanah dan daerah itu untuk tingkatkan rondaan serta peman-tauan.

"Kita juga jalankan tindakan statik di kawasan yang dibuat penguatkuasaan bagi mengelakkan pengusaha pasir haram kembali beroperasi," katanya di sidang Dewan Negeri Selangor

(DNS), pada 11 November lalu.

Mohamed Azmin berkata, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor juga mengambil tindakan menyeragamkan penggunaan loket lengkap ciri keselamatan untuk pengeluaran bahan batuan di setiap daerah. Katanya, hasil kutipan royalti bagi bahan batuan khususnya pasir meningkat lebih tinggi sejak 2008.

"Pada 2008, bayaran royalti iaitu RM525,000 dan meningkat pada tahun ini sehingga 30 September lalu apabila mencatatkan peningkatan royalti iaitu RM14.1 juta

"Bagi jumlah produksi pasir bermula 2008 hingga 30 September lalu adalah berjumlah 44 juta tan matrik dan keuntungan bersih iaitu RM84.6 juta," katanya.



Pengantin baru dapat RM7.8 juta

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM7.8 juta bagi meraikan pengantin baru dalam kalangan belia pada tahun ini.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Sukan, Amirudin Saari, berkata segala urusan permohonan insentif itu diproses di bawah Exco Pembangunan Generasi Muda sebelum diserahkan

kepada penerima.

"Ia bagi menggalakkan golongan belia yang ingin mendirikan rumah tangga tidak melepaskan peluang memohon insentif itu," katanya.

Pada 2013, Selangor melancarkan Insentif Perkahwinan Belia, sekali gus menjadi Kerajaan Negeri pertama yang menawarkan kemudahan berkenaan.

Insentif di bawah Skim Mer-

akyatkan Ekonomi Selangor (MES) itu kemudiannya dinaikkan pada 2014 kepada RM500 setiap seorang berbanding RM200 sebelumnya.

Skim itu ditawarkan kepada semua belia berumur 35 tahun ke bawah yang dilahirkan di Selangor atau sudah menetap di negeri itu sekurang-kurangnya selama 10 tahun tanpa mengira agama.

SELANGOR

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi

WARTAWAN:

Afeeqa Afeera: afeeqa.afeera@gmail.com,

Hafizan Taib: ezhafizan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Puncak Alam banjir kilat

60 rumah terjejas

OLEH NORHAYATI UMOR

PUNCAK ALAM - Kira-kira 60 rumah di Taman Lautan Samudera, Puncak Alam, dekat sini, dinaiki air setinggi satu meter ekoran hujan lebat, pada 16 November lalu.

Penolong Pengarah Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, kerja memindahkan mangsa menggunakan bot dijalankan bagi membantu mereka pada kadar segera dan semuanya ditempatkan di Surau Al Zaharah, Puncak Alam.

"Pihak kami menerima panggilan daripada penduduk setempat berhubung kejadian itu, kira-kira jam 8.25 malam," katanya.

Beliau berkata, laluan berhampiran pasar raya Econsave Puncak Alam yang turut dilanda banjir kilat beransur pulih, manakala kawasan Sinar Alam, Shah Alam 2 turut mengalami kejadian sama.

Sementara itu, kira-kira 200 penduduk di Bandar Puncak Alam Fasa 2, di sini, terpaksa bermalam di pusat pemindahan sementara apabila kediaman mereka dilanda banjir kilat.

Air bah naik mendadak ekoran hujan lebat selama dua jam, bermula jam 6 petang.

Paras air kali ini dilaporkan antara satu ke 1.5 meter menyebabkan pelbagai barangan seperti perabot dan kenderaan mengalami kerosakan.

Setiap keluarga terima bantuan segera RM250

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM250 kepada setiap keluarga terbabit bencana banjir di negeri itu.

Exco Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Dr Daroyah Alwi, berkata peruntukan sekali setahun itu membolehkan mangsa menerima bantuan kewangan segera dan keperluan lain.

"Sebelum ini, Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan kewangan, namun kita luluskan peruntukan kewangan selepas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

"Walaupun jumlah pampasan itu tidak banyak, namun kita mengharapkan ia dapat meringankan beban mangsa," katanya kepada Selangor Kini, pada 17 November lalu.

Terdahulu, Dr Daroyah turun padang melawat dan menyerahkan sumbangan keperluan asas kepada 200 keluarga terjejas banjir di Jalan Lautan Samudera, Puncak Alam

Dr Daroyah berharap kerja



Dr Daroyah dan Pasukan PANTAS menghulurkan bantuan segera kepada mangsa banjir Puncak Alam

pengorekan dan pembersihan kolam dapat disegerakan supaya musibah sama tidak berulang.

"Saya dimaklumkan kejadian

ini kali kedua berlaku dalam tahun ini. Kita mahu semua pihak terbabit dapat menyegerakan kerja pengorekan dan pembersihan," katanya.



PANTAS Selangor menggerakkan pasukannya memberikan bantuan kepada mangsa banjir di Puncak Alam

Enam belas anggota PANTAS turun padang

SHAH ALAM - Skwad Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS) menghantar 16 anggota bagi menjalankan operasi pembersihan dan mengagih makanan kepada mangsa banjir di Puncak Alam 2 dan Ladang Tuan Mee, Sungai Buloh, pada 16 November lalu.

Ketua Pengarahnya, Hamsah Djabir, berkata PANTAS sudah menjalankan operasi pembersihan sekitar Puncak Alam 2 dan tiga rumah yang memerlukan.

"Atas dasar kemanusiaan, PANTAS mengambil inisiatif membersihkan kawasan persekitaran dan membantu mengagihkan keperluan makanan kepada mangsa banjir bagi mengurangkan beban mangsa.

"Berdasarkan maklumat, 60 rumah menjadi dilimpahi banjir setinggi lebih kurang satu meter," katanya.

Hamsah berkata, dalam misi sama PANTAS bergerak ke Ladang Tuan Mee membantu 64 mangsa

daripada 14 keluarga yang terbabit.

"Bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kita mengagihkan 100 bungkus makanan kepada mangsa yang kebanyakannya mengadu kelaparan.

"Bagi mangsa beragama Islam, mereka dipindahkan di surau Tuan Mee dan Masjid Puncak Alam.

Manakala, bukan beragama Islam ditempatkan di dewan berhampiran," katanya.

Kerja korek kolam dipergiat

SHAH ALAM - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor kini rancang menyiapkan kerja pengorekan Kolam Puncak Alam 2 dan Kolam Puncak Bestari sebagai penyelesaian jangka masa panjang banjir di kawasan itu.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata pengorekan itu dilakukan bagi menampung kapasiti lebih air hujan lebat.

Katanya, kerja naik taraf membabitkan kos RM2.8 juta itu dijadual siap, pada Jun 2016.

"Skop kerja juga termasuk pembersihan 'outlet' kolam dan pengorekan semula parit di Alam Jaya (*downstream*). Untuk jangka masa pendek, kita akan bersihkan semua 'outlet' termasuk parit kecil," katanya kepada Selangor Kini, pada 16 November lalu.

Pada 15 November lalu, kira-kira 200 penduduk di Bandar Puncak Alam Fasa 2, di sini, terpaksa bermalam di pusat pemindahan sementara ekoran kediaman dilanda banjir kilat.

Zaidy berkata, banjir itu berpunca daripada air larian akibat hujan lebat tidak dapat keluar selain kolam tadahan dipenuhi air.



Skop kerja juga termasuk pembersihan outlet kolam dan pengorekan semula parit di Alam Jaya (*downstream*). Untuk jangka masa pendek, kita akan bersihkan semua outlet termasuk parit kecil

ZAIDY ABDUL TALIB
Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam

"Status aras air Sungai Buloh juga mencatat bacaan yang agak tinggi berbanding biasa," katanya.

Obama perlu nyata pendirian skandal 1MDB

PETALING JAYA - Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama harus menyentuh isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ketika bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam lawatannya ke negara ini.

Jawatankuasa Pemandu Bersih 2.0, Wong Chin Huat, berkata hal itu ekoran pentadbiran Najib diketahui dunia berhadapan isu akauntabiliti.

"Jika Obama tidak bertanyakan isu 1MDB dan kebebasan kepada Najib, ia membuktikan beliau hanya berminat mempersoalkan pentadbiran negara mempunyai akauntabiliti demi kepentingan geo-

politik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Bersih 2.0 dan Suara Rakyat Malaysia (Suaram) di pejabat Bersih, di sini, pada 12 November lalu.

Katanya, Bersih 2.0 menggesa Kerajaan Persekutuan menggugurkan siasatan dan pertuduhan bermotifkan politik terhadap aktivis masyarakat dan ahli politik pembangkang.

"Kerajaan diseru menghentikan langkah menindas menggunakan undang-undang dengan menumpukan penambahbaikan institusi terbabit demi kebaikan rakyat," katanya.



TAMAN PERINDUSTRIAN ALAM PERDANA

2 & 3 Tingkat Kilang Berkembar & Tanah Perindustrian

15% Diskaun

2 Tingkat Kilang Berkembar
Keluasan bangunan 6028 kp
Dari **RM 3,186,000.00**

3 Tingkat Kilang Berkembar
Keluasan bangunan 7785 kp
Dari **RM 3,726,000.00**

CIRI-CIRI KEUNIKAN

- Keluasan tanah: 70 'x 120'
- Terdapat lif (lif kapasiti untuk 20 penumpang) untuk 3 tingkat sahaja
- Pengatup elektrik
- Ketinggian siling 23 kaki untuk tingkat bawah
- Muatan reka bentuk lantai:
 - 10kN/m² di tingkat bawah
 - 5kN/m² di tingkat pertama
 - 5kN/m² di tingkat kedua
- Bekalan kuasa 3-fasa - 150Amp
- 12 jam perkhidmatan sekuriti (waktu malam) (percuma untuk 2 tahun pertama)
- Penuaian air hujan

Pemaju:



Projek Alam 2012 Sdn. Bhd.
(974077-T)

Alamat Pejabat:

**UG-67, Jalan PJS 9/1A,
Pusat Perniagaan
Lagoon Perdana, 46150,
Bandar Sunway, Selangor**

Sila berhubung untuk sebarang pertanyaan:

**012-3152346
012-6113700**

Peta Lokasi



Serangan pengganas di Paris yang mengorbankan lebih 100 orang, pada 13 November lalu menerima kutukan dan kecaman beberapa pemimpin negara serta badan bukan kerajaan (NGO)



MOHAMED AZMIN ALI

Dato' Menteri Besar

Kami mengutuk sekeras-kerasnya serangan pengganas kejam di Paris itu. Ini adalah tindakan biadap yang tidak wajar dibiarkan.



DATUK SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL

Presiden Keadilan

Saya sepenuh hati mengutuk perbuatan kejam ini dan berdoa supaya dalang ditahan serta dibawa ke muka pengadilan. Bagi pihak pembangkang dalam Parlimen Malaysia dan Keadilan, saya ingin menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mereka yang terbunuh dalam serangan ini. Kami berdiri dalam perpaduan dengan rakyat Perancis dalam menghadapi masa-masa sukar.



DATUK SERI ABDUL HADI AWANG

Presiden PAS

PAS mengecam sebarang tindakan kejam membunuh orang awam walaupun untuk apa juga tujuan. PAS selari dengan ajaran Islam iaitu sangat memandang keras perbuatan membunuh orang awam yang tidak bersalah dan menimbulkan suasana tegang juga ketakutan di dalam masyarakat.



LIM KIT SIANG

Penasihat DAP

Perlu bersatu dan sebulat suara meluluskan usul tergepar bukan sahaja mengutuk pembunuhan nyawa yang tidak berdosa di Paris tetapi juga menggesa di Parlimen dan badan perundangan dalam semua bangsa di dunia untuk sama mengutuk kekejaman pengecut serta tidak bertamadun itu. Juga semua Parlimen ASEAN perlu mengutuk pembunuhan beramai-ramai Paris, ia perlu menjadi agenda khusus bagi Sidang Kemuncak ASEAN.



KHALID ABD SAMAD

Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara

Dunia juga harus sepakat menentang segala bentuk keganasan termasuk yang ditaja sebuah kerajaan 'State-Sponsored terrorism' seperti Zionis Israel yang berterusan menzalimi dan menjalankan perancangan pemutihan juga penghapusan rakyat Palestin. Begitu juga peristiwa di Lubnan, Syria dan di mana sahaja yang perlu dikutuk bersama.



MOHAMAD RAIMI AB RAHIM

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

"ABIM memandang berat dakwaan bahawa serangan itu dipertanggungjawabkan ke atas orang Islam. Ini kerana dakwaan itu bakal mengundang implikasi sangat negatif terhadap hubungan Islam-Barat dan juga keharmonian masyarakat majmuk di bumi Eropah keseluruhan."

Penyelewengan dana

Siasat segera YaPEIM

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA LUMPUR - Pengarah Pusat Pemantauan dan Pendedahan Maklumat Kebangsaan (NOW), Akmal Nasir membuat laporan polis berhubung dakwaan penyalahgunaan wang Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

Katanya, laporan polis dibuat bagi membolehkan kertas siasatan dibuka ekoran kebimbangan berlakunya sebarang salah guna kedudukan, kuasa atau pecah amanah serta menjaga kepentingan pembangunan ekonomi Islam, penyumbang juga penerima YaPEIM.

"Kita tidak tahu mengapa respon Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom begitu tegas mendesak

saya meminta maaf. Mungkin ada sesuatu hendak disembunyikan, kita tidak tahu.

"Berilah ruang kepada polis jalankan siasatan. Harap menteri dan kepimpinan tertinggi YaPEIM beri kerjasama," katanya di Ibu Pejabat Polis Dang Wangi, pada 15 November lalu.

Pada 13 November lalu, Akmal dalam sidang media mendakwa lawatan Jamil Khir bersama rombongan ke Amerika Syarikat menggunakan perbelanjaan dibayar YaPEIM.

Jamil Khir dalam reaksi balas mendesak Akmal meminta maaf atau berdepan dengan tindakan undang-undang kerana

beliau mengaitkan dakwaan salah guna wang yayasan itu.



Tambah bajet IPTA

SHAH ALAM - Keadilan membantah pemotongan bajet Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kerana ia adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Pengarah Strateginya, Sim Tze Tzin, berkata kajian Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) menunjukkan pelaburan ke dalam pendidikan tinggi membawa pulangan lumayan kepada negara.

Katanya, secara purata setiap ringgit dilaburkan dalam pen-

didikan tinggi memberi pulangan RM6 dalam bentuk cukai selain perolehan kesan gandaan yang berbaloi.

"Kini, pergantungan IPTA kepada kerajaan pada kadar 85 hingga 90 peratus dengan sasaran penurunan pergantungan sehingga 70 peratus menjelang 2020.

"Dijangkakan, pemotongan bajet IPTA berterusan pada masa akan datang," katanya dalam kenyataan, pada 13 November lalu.

RM58 juta dividen anak syarikat

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Menteri Besar (MBI) menerima RM58 juta dividen daripada anak syarikat (GLC) walaupun pembayaran itu tidak diwajibkan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata dividen itu diterima daripada Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) RM14.22 juta bermula 2004 hingga 2010, Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) RM44.5 juta (2009-2013) dan MSNS Holdings Sdn Bhd (RM83,000).

"Merujuk kepada perenggan lima Pekeliling Perbendaharaan

Bilangan 11 Tahun 1993, semua Kerajaan Negeri diminta mematuhi pekeling selaras dengan persidangan Menteri Besar dan Ketua Menteri, pada 10 Jun 1993.

"Bagaimanapun, pihak berkuasa negeri diberi pilihan sama ada untuk guna pakai atau tidak pekeling itu. Selangor memutuskan untuk tidak menggunakannya," kata Mohamed Azmin di Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, baru-baru ini.

Mohamed Azmin (KEADILAN-Bukit Antarabangsa) menjawab soalan Ng Sze Han (DAP-Kinrara) berhubung dasar dan garis panduan bayaran dividen GLC kepada Kerajaan Negeri.

Mohamed Azmin berkata, keputusan tidak menggunakan pekeling berkenaan ekoran terdapat GLC tidak berkemampuan membayar dividen.

"Maka, kita membuat keputusan untuk rasionalisasi dan konsolidasi GLC supaya dapat mencipta nilai untuk memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri.

"Garis panduan diputuskan untuk pelaksanaan pendekatan ini ketat dan telus supaya perjalanan pengurusan lebih bertanggungjawab kerana ia milik rakyat," katanya menjawab soalan tambahan daripada Yeo Bee Yin (DAP-Damansara).



Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) menyumbang dividen berjumlah RM44.5 juta



Program penghijauan taman industri bagi memastikan bahan kitar semula dapat digunakan semula

Komited bangun taman industri hijau

SHAH ALAM - Program penghijauan taman industri giat dijalankan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga di samping mengurangkan kadar pelepasan karbon di kawasan berkenaan.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata program di bawah Pelan Tindakan Teknologi Hijau Selangor 2015-2018 itu memabatkan semua taman industri di negeri itu.

"Program ini memabatkan empat komponen utama iaitu kecekapan tenaga, pengurusan sumber air terpakai, simbiosis sisa industri dan sistem penyuapan air hujan.

"Ia memabatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan

Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian (IPMC)," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 11 November lalu.

Menjawab pertanyaan lisan Khasim Abdul Aziz (PAS-Lembah Jaya), beliau berkata, IPMC dilantik sebagai penyelaras bertanggungjawab melaporkan kemajuan program kepada Kerajaan Negeri.

"Program ini guna kaedah simbiosis industri supaya dapat bantu pelbagai sektor menggunakan semula bahan tidak terpakai.

"Kaedah ini juga bertujuan mengalihkan beban sisa daripada tapak pelupusan dan menjadi hasil keuntungan syarikat melalui pengurangan kos pelupusan," katanya.

Warga Borneo terima manfaat HIJRAH

SHAH ALAM - Skim mikrokredit HIJRAH bersifat holistik apabila warga Sabah dan Sarawak yang bermastautin melebihi 10 tahun di Selangor turut layak menerima pinjaman.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata daripada 11,378 peserta HIJRAH yang memohon terdapat 40 penyerahan daripada bumiputera Sabah dan Sarawak.

"Antara syarat sah kelayakan,

peserta haruslah penduduk tetap Selangor manakala bagi warga Sabah dan Sarawak mereka juga layak memohon jika taraf pemat-tuain lebih 10 tahun.

"Program ini terbuka kepada semua bangsa dan jantina yang mempunyai reputasi pinjaman baik daripada institusi kewangan atau agensi kerajaan," katanya.

Daroyah Alwi (KEADILAN-Sementa) berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Hasnul Baharuddin (PAS-Morib) pada per-

sidangan Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 11 November lalu.

Katanya, peserta tidak memiliki premis juga layak memohon skim pinjaman itu.

"Peserta yang ingin memohon tidak semestinya perlu memiliki premis tetapi mereka perlu mempunyai lesen atau permit perniagaan berdaftar.

"Jika mereka mempunyai lesen perniagaan yang sah, tetapi bekerja daripada rumah juga layak untuk memohon," katanya.

Kawan'15 anjuran julung kali MBI

SHAH ALAM - Seramai kira-kira 20,000 pengunjung dijangka memeriahkan Karnival Usahawan Hijrah Selangor 2015 (Kawan'15) di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi, dekat sini, pada 4 hingga 6 Disember ini.

Pengerusi Eksekutif HIJRAH Selangor, Datuk Mansor Othman, berkata pihaknya menganjurkan program terbabit dengan kerjasama Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) bagi menghimpunkan kalangan usahawan di bawah kelolaannya.

Katanya, seramai kira-kira 3,000 peserta usahawan baharu akan turut menerima pembiayaan dalam karnival dirasmikan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali kelak.

"Lebih dari 100 gerai jualan usahawan HIJRAH Selangor serta beberapa syarikat jualan ternama dan vendor menjadi tren masa kini turut bersama," katanya diwakili Ketua Pengurus Operasi HIJRAH Selangor, Roslim Md Akhir dalam sidang media di sini, pada 16 November lalu.



Roslim Md Akhir (kanan) mengajak orang ramai hadir ke Karnival Usahawan Hijrah Selangor pada 4 - 6 Disember ini

Beliau berkata, dalam karnival terbabit pengunjung juga dapat menyaksikan serta menyertai pelbagai aktiviti dirancang seperti Malam Dakwah Muzikal dan Malam Santai Muzikal di samping forum dan sebagainya.

Katanya, pihaknya juga membuat penjenamaan semula Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor kepada Yayasan HIJRAH Selangor serta melancarkan lama sesawang HIJRAH Selangor dan Koperasi Warga

HIJRAH Selangor (KoHIJRAH).

"Sebuah 'pavillion' khas dibina untuk ruangan pameran bagi menerangkan fungsi dan peranan MBI serta seluruh anak syarikat MBI apabila pengunjung boleh mendapatkan segala maklumat lebih jelas dan tepat," katanya.

Kawan'15 turut dijayakan melalui peruntukan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) MBI dan kerjasama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Pelaburan RM41.5 bilion sejak 2011



OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Selangor kekal sebagai peneraju pelaburan di negara ini dengan 1,102 projek sejak 2011 hingga 2015.

Exco Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, IKS dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata ia diikuti dengan Johor (821), Pulau Pinang (579), Kedah (193) dan Perak (174).

"Daripada segi modal bagi tempoh sama pula, Johor berjumlah RM74.7 bilion, Selangor (RM41.5 bilion), Pulau Pinang (RM27.9 bilion), Kedah (RM15.6

bilion) dan Perak (RM10.3 bilion)," katanya menjawab soalan Razaly Hassan (PAS-Dusun Tua), pada 12 November lalu.

Chang Khim (DAP-Sungai Pinang) berkata, prestasi pelaburan negeri itu banyak disumbang pelabur tempatan berbanding asing bagi tempoh 2013 hingga 2015.

Bagaimanapun, katanya, kedudukan Pelaburan Langsung Asing (FDI) adalah konsisten dan tidak menunjukkan penurunan ketara daripada segi nilai pelaburan.

Pada 2013, sebanyak 228 projek dengan modal pelaburan RM9.83 bilion, manakala 2014 pula 229 projek dengan modal pelaburan RM7.04 bilion.

Manakala, projek dengan modal pelaburan RM4.22 bilion untuk Januari hingga Jun lalu.

Perkemas sektor pelaburan

SHAH ALAM - Promosi memperkenalkan peluang pelaburan di Selangor giat dijalankan sebagai persediaan menghadapi suasana ekonomi merudum masa kini.

Exco Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, IKS dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Kim, berkata usaha berterusan itu sentiasa dilakukan bertujuan menggerakkan aktiviti ekonomi secara aktif.

"Program promosi pelaburan dan penerbitan iklan melalui media cetak serta elektronik di dalam juga luar negara giat dijalankan dari semasa ke semasa.

"Kita juga menghantar wakil dalam misi penggalakan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI/MIDA selain menyertai program pertemuan bersama pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 11 November lalu.

Mengulas lanjut pertanyaan lisan Rodziah Ismail (KEADILAN-Batu Tiga), beliau berkata, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan proaktif melalui agensi berkaitan dengan penyertaan pelbagai pameran dalam dan luar negara.

Chang Khim berkata, pihaknya menjalankan pemantauan kemajuan dan membantu mempercepatkan proses kelulusan cadangan projek pelaburan melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang dipengeruskannya.

"Mesyuarat IPMC dipengerusikan yang dipertua pihak berkuasa tempatan (PBT) dijalankan secara berkala bagi membantu menyelesaikan isu infra di kawasan perindustrian.

"Kerajaan Negeri juga meningkatkan program 'Engagement bersama Stakeholder' dan menggerakkan inisiatif 'E-Commerce' bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produkkeluaran mereka," katanya.

Selangor-DPMM kerjasama kembang ekonomi



Kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Selangor diperkukuhkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan daripada dalam dan luar negara

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri dalam usaha membina rangkaian kerjasama dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Selangor (DPMM) untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negeri itu.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata matlamat mengembangkan ekonomi itu selaras dengan usaha membentuk 'Smart Selangor'.

"Kita sedang bergerak ke arah Smart Selangor dan sudah

tentu perlu memperhebatkan teknologi tinggi supaya pelabur luar datang ke negeri ini.

"Saya melihat potensi DPMM dan mereka memerlukan sokongan daripada Kerajaan Negeri," katanya selepas Majlis Selangor

Excellence Business Awards (SEBA) 2015 di Hotel Concorde, di sini, baru-baru ini.

Katanya, FDI adalah salah satu objektif utama membabitkan kerjasama dengan DPMM bagi mencapai matlamat dan sasa-

ran mengembangkan ekonomi negara.

"Adalah penting untuk mengekalkan FDI kerana Selangor penyumbang utama Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK)," katanya.




Anjuran
Jawatankuasa Tetap Pendidikan,
Pembangunan Modal Insan,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor

Dengan Kerjasama
Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC)



**BELAJAR
PERCUMA**



YES : YOUTH ENHANCEMENT STRATEGY SELANGOR
(Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia Selangor)



YAB Tuan Mohamed Azmin bin Ali
Dato' Menteri Besar Selangor

PELUANG

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan
Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan
Inovasi Negeri Selangor

BELAJAR SAMBIL BEKERJA

**Program Perantisan
Kemahiran Belia**

BAGI LEPASAN SPM

Peluang ini hanya terbuka kepada 100 orang yang pertama sahaja.

Bagi 20 orang pertama yang mendaftar layak mendapat hadiah sugu hati daripada SHRDC.

CARA MEMOHON:

Sila e-melkan resume anda atau hubungi :

Email : juraina@shrdc.org.my

Tel, : **03-5513 3560**

TERBUKA KEPADA

- Warganegara Malaysia
- Berkelulusan SPM
- Umur tidak melebihi 26 tahun

PROGRAM PERSIJILAN DITAWARKAN

- Kursus Teknologi Pembuatan Plastik – CERT II IN ENGINEERING
- Kursus Pemasangan dan Penyelenggaraan Sistem Solar Fotovolta Tersambung Grid SEDA Malaysia

TEMPOH PENGAJIAN

- 6 bulan

YURAN

- Yuran kursus ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor

ELAUN

- Peserta akan menerima elaun RM300 sebulan (dibiayai Kerajaan Selangor)
- Elaun tambahan minimum RM300 semasa latihan industri ditaja oleh syarikat

ASRAMA

- Asrama disediakan dengan kadar bayaran minimum

FAEDAH MENYERTA PROGRAM

- Pelajar yang berjaya menamatkan latihan/kursus BERPELUANG UNTUK MENDAPAT PEKERJAAN DI INDUSTRI TERSEBUT



▲ Adun Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridzwan menyampaikan sumbangan bencana alam kepada 11 keluarga daripada Tabung Sumbangan Daerah Pejabat Tanah Gombak ekoran rumah mereka ditinggami banjir kilat di Kampung Changkat



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha menyampaikan sumbangan kepada Tabika Perpaduan, pelajar universiti dan Persatuan Penduduk PJ Old Town yang diadakan pejabat DUN berkenaan



Adun Hulu Klang, Saari Sungib menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam program Rakan MPAJ Junior Soccer Tournament 2015 yang berlangsung di Padang Majlis Perbandaran Ampang Jaya



▲ Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz menyertai gotong-royong dan menceriakan kawasan SRA Kampung Tasik Tambahan



▲ Adun Sri Muda, Shuhami Shafiei beriadah bersama penduduk Taman Sri Muda bagi Program Mini Sukan Rakyat anjuran Rukun Tetangga Zon B di DUN itu



▲ Adun Cempaka, Datuk Iskandar Samad bersama pelajar selepas Majlis Khatam Al-Quran dan Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sekolah Agama Kampung Pandan Dalam



▲ Adun Hulu Bernam, Datuk Rosni Sohar menyampaikan hadiah kepada pelajar pada Hari Anugerah Kecemerlangan 2015 di Sekolah Kebangsaan Kalumpang



Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar dalam Program Penyerahan Sijil Kelas Tuisyen Pintar kepada pelajar cemerlang



▲ Adun Balakong, Ng Tien Chee bersama wanita dan penggerak dalam Program PWD DUN itu dalam kelas membuat kuih-muih



▲ Adun Paya Jaras, Khairuddin Othman menyampaikan hadiah kepada pelajar cemerlang di Hari Graduasi Kafa Integrasi Masjid At Takwa Bandar Baru Sungai Buloh

MPSJ bentuk pelan tindakan khas

Ke arah Bandar Hijau 2030

Penggunaan tenaga alternatif adalah inisiatif penting untuk memacu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dalam merealisasikan hasrat pembentukan Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030. Langkah itu diperkenalkan kepada masyarakat Subang Jaya secara amnya dengan kerjasama teknologi daripada SIRIM. Ikuti temubual eksklusif wartawan Selangor Kini, **AFIX REDZUAN** bersama Pengarah Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MPSJ, **AZURA MOHD DON**.



Bila timbul idea untuk menghasilkan projek biomass?

Projek biomass bermula sejak 2011 selepas MPSJ bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Univeriti Putra Malaysia (UPM) mengadakan lawatan kerja ke Jepun. Dalam lawatan itu kita lihat ada biomass, biogas, kompos di beberapa lokasi di sana.

Apabila pulang, kita memulakan projek pertama di Serdang bersama UPM dan peruntukan diberikan KPKT. Kita buat projek pengasingan sisa makanan di kawasan perumahan menggunakan sistem AD daripada sisa pasar Sri Serdang. Kita menggunakan sisa sayur yang diproses menjadi kompos menggunakan cacing dengan projek usahasama dengan UPM.

Pada 2013, kita panjangkan usaha ini ke Puchong. Ketika itu, kita hanya ada kompos sisa kebun dan makanan. Kita juga membuat projek biodiesel dengan syarikat lain menggunakan sisa minyak masak.

Tahun 2014, kita mulakan kerjasama dengan SIRIM untuk projek biogas dengan pengasingan sisa dapur yang dimasukkan dalam satu mesin Symbiontea. Kita tidak menggunakan gas secara paip seperti yang dibuat di Jepun. Jadi, kita minta SIRIM kaji supaya gas itu boleh digunakan untuk menjana tenaga elektrik.

Dengan kos yang ada, kita boleh menghasilkan gas membabitkan kapasiti 500 kilogram (kg) sisa makanan sehari. Gas ada banyak iaitu metana dan karbon dioksida. Kita hanya ambil gas metana untuk menghasilkan elektrik. Peratusan gas metana yang perlu adalah 40 peratus bagi menghasilkan elektrik. Setakat ini, kita meng-

gunakan 200 kg sehari.

Sejak 2011, berapakah jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan MPSJ untuk projek biomass?

Untuk MPSJ, kita belanjakan RM200,000 untuk tempahan mesin bersama SIRIM bagi fasa pertama projek menggunakan proses 'anaerobic digestion' (AD).

Kita menempatkan seorang penolong pegawai dan lapan pekerja. Tapak asal biomass itu dimiliki Perbadanan Kemaajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) dan kita ambil alih untuk meneruskan projek itu.

Kita masih dalam proses perbincangan supaya tenaga elektrik yang dihasilkan dapat mengoperasikan barangan elektrik bagi fasa kedua dengan anggaran kos RM150,000.

Bagaimana sambutan orang ramai terhadap projek biomass seperti pengasingan sisa sampah?

Kita hanya ada satu pusat biomass di Bandar Bukit Puchong, cuma program ini diperluaskan di kawasan sekitar termasuk di Serdang.

Sambutan orang ramai bergantung kepada komuniti setempat. Di Bandar Bukit Puchong, penduduk yang tahu akan hantar sisa makanan dan kebiasaannya kita dapat dalam 50 kg.

Kebanyakan yang hantar sisa sampah ini pusat komersial tetapi tujuan program kita adalah mengambil sisa sampah daripada

rumah.

Kini, ada inisiatif yang diambil seperti JKP Zon 23 membantu MPSJ mengasingkan sisa makanan. Kita tidak bayar mereka sebaliknya memberikan baja kompos sebagai gantian upah.

Sejauh mana peranan Ahli Majlis dalam membantu mengembangkan projek ini?

Untuk projek biomass yang masih diperingkat perintis, kita tidak boleh buat secara besar-besaran. Kita cari JKP yang boleh bekerjasama dan dekat dengan pusat biomass di Bandar Bukit Puchong.

Kita sangat mengalu-alukan JKP yang berminat untuk turut sama. Sebenarnya penduduk tahu akan projek ini, namun terpujang kepada mereka.

Daripada segi promosi, kita tidak buat secara besar-besaran. Kita akan umumkan kepada awam selepas projek perintis ini berjaya kelak.

Bagaimana pula dengan sisa komersial?

Banyak sisa komersial yang datang serta mampu menyumbang satu kg sisa sampah sehari. Namun kita hanya mahu sisa sampah sahaja, tiada tulang dan plastik.

Jika sisa komersial yang dihantar tidak diasingkan terlebih dahulu, maka ia boleh mengakibatkan mesin rosak. Mesin yang kita gunakan mempunyai satu bilah tajam yang bertindak memproses sisa sampah menggunakan sistem tanpa oksigen.

Setakat ini, kita hanya memberikan insentif RM1 untuk satu kg sisa makanan kepada penduduk bagi menggalakkan mereka mengasingkan sampah.

“

Setakat ini, kita hanya memberikan insentif RM1 untuk satu kg sisa makanan kepada penduduk bagi menggalakkan mereka mengasingkan sampah



Apakah produk yang berjaya dihasilkan melalui projek biomass?

Kita ada kompos sisa kebun, makanan dan cacing. Dulu, kita beli cacing daripada UPM dan sekarang ia membiak daripada tujuh kepada 11 kg dalam tempoh hampir setahun.

Kita menyediakan kawasan yang sesuai untuk cacing membiak. Asalnya satu petak tetapi kini sudah ada hampir empat.

MPSJ juga dalam perancangan untuk mengutip sisa pasar malam dan ia masih dalam perbincangan. Kita perlu lihat tenaga kerja untuk perkara itu selain tugas mengasingkan sampah.

Sebelum ada biomass, kita sudah mulakan pengasingan makanan di Serdang dengan memberikan 85 tong kompos kepada penduduk. Kita ajar mereka cara menghasilkan kompos.

Bila sasaran MPSJ supaya tenaga elektirk dapat digunakan sepenuhnya?

Kita menyasarkan dalam tempoh setahun akan datang sudah boleh menggunakan elektrik yang dihasilkan. Selepas beroperasi, kita perlu pastikan jumlah sisa 500 kg sehari.

Kita juga sedang berbincang dengan SIRIM supaya dapat menggunakan sistem automatik. Selepas generator berhenti, maka kuasa elektrik digunakan. Kita mahu elakkan mesin daripada rosak.

Apakah peranan Jabatan Alam Sekitar MPSJ bagi menjayakan Pelan Bandar Hijau 2030?

Menggunakan tenaga alternatif yang kita sedang lakukan



sekarang adalah salah satu projek yang dibuat. Kita mahu mengurangkan jumlah pembuangan sampah di tempat pelupusan, sekali gus memanjangkan hayat tapak pelupusan.

Walaupun usaha kita masih kecil, diharapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) lain ikut supaya hasil itu nampak. Saya percaya PBT lain ada perancangan mereka sendiri tetapi berlainan kaedah.

Kita kena buat berdasarkan kemampuan, di samping meneruskan program kitar semula bersama masyarakat di semua peringkat.

Berkenaan program kitar semula, bagaimana pandangan MPSJ secara keseluruhan?

Tuan rumah biasanya sudah membuat pengasingan sampah untuk dikitar semula seperti yang kita boleh tengok bila lori sampah mengangkut sisa pepejal. Tetapi,

kita lihat ada pula perkaitan dengan isu keselamatan apabila sampah diletakkan di atas lori.

Kita sedang berbincang dengan kontraktor supaya mereka datang mengutip sisa kitar semula dengan lori lain dan ia membabitkan kos. Buat masa ini, kita maklumkan kepada kontraktor yang mereka boleh kutip sampah itu tetapi tidak letak di atas lori.

Kesedaran di peringkat penduduk juga sudah ada. Di pusat kitar semula, kita juga sudah ada banyak kutipan. Kadar kutipan kitar semula MPSJ sekarang adalah 11 peratus berbanding jumlah sampah.

Kita mempunyai 22 pusat kitar semula termasuk di ibu pejabat MPSJ. Untuk kakitangan, kita buka setiap Khamis. Kita bayar dengan harga semasa dan bertindak selaku orang tengah.

Kakitangan MPSJ juga perlu tahu untuk mengurangkan sampah dan setiap tiga bulan sekali kita berikan hadiah ketika

perhimpunan bulanan kepada mereka yang berjaya mengumpul sisa kitar semula tertinggi.

Untuk pengutipan sisa pepejal, bagaimana prestasi kontraktor di bawah MPSJ?

Setakat ini, saya tidak nampak masalah besar terhadap kontraktor. Bukan tiada masalah, tetapi tak sampai sampah tidak dikutip seminggu. Kelewatan biasanya disebabkan lori rosak.

Penduduk kawasan Subang Jaya suka buat aduan, lambat sikit pasti mereka mengadu. Contohnya, jika lori yang selalunya datang jam 9 pagi tapi lewat hingga 11 pagi, mereka akan telefon membuat aduan. Tetapi, sebenarnya, lori akan masuk juga kerana waktu kutipan dari jam 7 pagi hingga 5 petang.

Biasanya, setakat ini kita akan pastikan kontraktor masuk pada hari yang ditetapkan. Kalau tidak datang, kita akan terus berikan notis dan potong bayaran.

Memang aduan itu ada dan kita tidak boleh halang orang buat. Ada pengguna yang mengadu kontraktor tidak menutup pintu rumah sampah. Secara keseluruhan, MPSJ mempunyai 47 kontraktor kutipan dan 81 pembersihan.

Sepanjang mengendalikan pengurusan sisa pepejal, bagaimanakah aspek disiplin masyarakat terutama di kawasan komersial?

Mengikut Seksyen 4 Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah MPSJ 2007, setiap premis harus menyediakan tong sampah sendiri. Sama seperti bangunan berperingkat, JMB dan badan pengu-

“
Kesedaran di peringkat penduduk juga sudah ada. Di pusat kitar semula, kita juga sudah ada banyak kutipan. Kadar kutipan kitar semula MPSJ sekarang adalah 11 peratus berbanding jumlah sampah

rusan yang perlu menyediakan tong sampah.

Kita tidak akan menyediakannya dan akan menghantar notis kepada setiap pusat komersial supaya menyediakan tong sampah. Jika gagal, mereka boleh dikompaun.

Penguatkuasaan sekarang perlu memastikan mereka mempunyai tong sampah yang mencukupi. Jika kita memberikan tong sampah, ia akan dibuat melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Kita pernah buat dengan syarikat Worldwide. Setakat ini, MPSJ tidak mengeluarkan duit untuk membeli tong sampah kepada mana-mana premis kecuali milik MPSJ.

Kita tidak mempunyai masalah berkenaan kutipan domestik tetapi masalah lebih kepada sampah pukal. Itu sebenarnya tanggungjawab JMB atau pemilik pusat komersial, bukan MPSJ. Kita hanya bertanggungjawab untuk kutipan sampah domestik.

Apakah harapan untuk menjayakan Pelan Bandar Hijau 2030?

Saya mengharapkan projek ke arah tenaga alternatif ini berjaya untuk diadaptasi ke beberapa kawasan lain. Kita juga perlukan sokongan Kerajaan Negeri memandangkan MPSJ menggunakan kepakaran SIRIM sebab projek ini untuk kebaikan semua.

Kita mahu kurangkan sampah dan paling penting menjimatkan kos di tempat pelupusan serta mengajar generasi muda bahawa setiap barang yang ingin dibuang mempunyai nilai.

Kita juga harap penduduk turut sama menjayakan dan menyokong inisiatif ini demi masa depan generasi akan datang.



Buka banyak peluang dan ruang

Selangor kukuh martabat wanita

OLEH LIZAWATI MADFA

KEDUDUKAN wanita hari ini bukan lagi di ceruk dapur. Wanita sekarang sudah sama nilainya dengan kaum lelaki yang mampu menyumbang kepada kemajuan bangsa, agama dan negara.

Wanita sudah meletak namanya sebaris dengan kaum lelaki dalam pelbagai bidang, bahkan lebih tinggi lagi kedudukannya dalam pelbagai bidang utama di Malaysia.

Antaranya, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz sebagai Gabenor Bank Negara, Hannah Yeoh sebagai Speaker Wanita Pertama Malaysia dan Datuk S Ambiga iaitu bekas Presiden Majlis Peguam Negara.

Maka, tepatlah usaha Kerajaan Selangor mengangkat dan menghargai wanita melalui siri Belanjawan Selangor termasuk yang terbaharu diumumkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, pada 30 Oktober lalu.

Dasar Kerajaan Selangor bukan sahaja memberi ikan, bahkan wanita diberikan joran bagi memastikan kesinambungan 'survival' mereka dalam situasi ekonomi yang semakin mencabar hari ini.

Tidak bersandarkan bantuan berbentuk 'one off' sehalus, program seperti HIJRAH bukan lagi asing dalam kalangan usahawan wanita negeri itu.

Program berbentuk pinjaman tanpa faedah itu terbukti membawa manfaat kepada lebih 7,000 usahawan wanita dengan 887 daripadanya ibu tunggal.

Menyentuh hal ibu tunggal, golongan itu juga digalakkan menyertai program pemberdayaan wanita di setiap DUN melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB).

Mereka dibekalkan latihan kemahiran dan keusahawanan, program jati diri serta pembangunan sosial untuk memupuk keyakinan juga menjana pendapatan.

"Ibu tunggal juga boleh menyertai Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak (KIPK) yang memberi ilmu dan tunjuk ajar kepada peserta yang



membuka taska di rumah.

"Program lain seperti Mammosel dan bantuan kesihatan Sihat Selangor akan dinilai dari masa ke masa untuk melihat keberkesanannya," kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Pembangunan Keluarga, Dr Daroyah Alwi di Dewan Negeri Selangor (DNS), baru-baru ini.

Untuk 2016, RM3 juta diperuntukkan kepada PWB dalam membangun komuniti perniagaan kecil dan sederhana dalam kalangan wanita luar bandar melalui 'PWB Shoppe' iaitu pusat pengumpulan serta jualan produk makanan juga kraftangan 'home-based'.

Setakat ini, pusat jualan PWB mula beroperasi di beberapa kawasan antaranya Sungai Air Tawar, Sungai Pinang dan Kampung Tengku.

Isu keganasan domestik turut menarik keprihatinan Kerajaan Selangor yang memperuntukkan RM50,000 kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan khidmat 'crisis intervention' serta program kesedaran awam.

Ia termasuk program He for She Campaign oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha melindungi wanita dan kanak-kanak.



Bukan itu sahaja, Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) turut bertindak sebagai penyelaras dan operator Rumah Kebajikan Puteri Arafiah di Shah Alam untuk menyediakan perlindungan dan bimbingan kepada remaja yang mempunyai masalah sosial.

Pada masa sama, Kerajaan Selangor terus melangkah ke hadapan dengan mewujudkan program Selangor Homemaker bagi membantu wanita berkerjaya di Selangor meneruskan sumbangan dan khidmat bakti kepada negeri.

Program yang mengoptimalkan guna pakai sistem teknologi maklumat itu akan dimulakan di Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) dan anak syarikat Kerajaan Selangor bermula tahun hadapan.

"Ia adalah program dirancang bagi kemudahan golongan wanita berkerjaya di Selangor yang memilih untuk bersama anak dan keluarga di samping terus menabur sumbangan khidmat bakti kepada negeri.

"Kita meletakkan keyakinan dan kepercayaan kepada golongan ini terutama bagi golongan belia juga ibu muda yang mampu menguruskan masa dengan baik serta berkualiti," kata Daroyah.

Tanpa melupakan kebajikan terhadap keluarga, Kerajaan Selangor bakal merasmikan Pusat Didikan dan Terapi Smart Selangor (DIDIK Smart Selangor) dengan kos RM500,000.

Melalui DIDIK Smart Selangor, ibu bapa berpeluang menghantar dan mendapatkan rawatan dan latihan 'autisme' untuk anak mereka.

Inisiatif itu khusus bagi meringankan beban ibu bapa yang terpaksa menanggung rawatan sehingga RM2,000 sebulan bagi kos berkenaan.

Kerajaan Selangor juga mahu lebih banyak pusat penjagaan anak dapat didirikan di kawasan perumahan mampu milik yang dilengkapi prasarana bagi menja-



min mereka diasuh dengan selamat dan sempurna.

Sehubungan itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) disaran mengkaji garis panduan pembangunan sedia ada untuk memastikan pusat penjagaan anak dapat disediakan di kawasan perumahan mampu milik dan kos rendah.

Semua usaha itu nyata berbeza dengan inisiatif dibentangkan di peringkat persekutuan yang lebih cenderung melihat wanita sebagai satu cabang kebajikan.

Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail, berkata dasar itu tidak akan membantu wanita untuk jangka masa panjang dan hanya menisiasikan potensi besar yang mampu disumbangkan kaum hawa kepada pembangunan negara.

"Dasar yang dilaksanakan di Selangor jauh lebih ke hadapan yang memberi wanita satu pengiktirafan tinggi dengan peruntukan tambahan saban tahun.

"Malah, saya berbangga dan gembira melihat lebih ramai wakil rakyat di DNS berdebat dan mengambil berat program untuk memajukan wanita negeri ini. Ia pastinya menguntungkan wanita Selangor," katanya.

Ternyata, usaha Kerajaan Selangor membela nasib wanita selaras dengan tuntutan Islam yang sentiasa mengangkat tinggi martabat golongan itu.

Seperti Rasulullah SAW yang menyelamatkan martabat wanita yang diperlekeh kaum jahiliyyah di tanah Arab suatu ketika dahulu.

Rasulullah SAW sendiri bersabda bahawa makhluk yang harus dicintai selepas Allah SWT dan Rasulullah SAW adalah ibu, kedua juga ibu, seterusnya masih lagi ibu, kemudian baru sang ayah.

Itulah bukti apresiasi Islam yang sangat tinggi kepada wanita dan pengiktirafan sebegini yang harus menjadi teladan buat kerajaan bagi mengangkat wanita ke tahap tertinggi.



Battle Of The Band 2015 rancakkan seni

OLEH NAZLI IBRAHIM

Aktiviti seni di Selangor terus dirancakkan apabila Kerajaan Negeri merancang mengadakan pertandingan *Battle Of The Band* membabitkan pelbagai peringkat, pada 2016.

Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata program itu diadakan ekoran terdapat permintaan tinggi selain dijangka mampu menarik minat kumpulan belia berkecimpung dalam dunia muzik itu.

"Kita merancang membuat program seumpama ini di peringkat majlis atau DUN. Kita buat satu lagi di peringkat Selangor seperti Liga Sukan Selangor Plus dan untuk seni.

"Kali ini di Kajang, kita ada pertandingan *Battle Of The Band*. Saya dapati ada permintaan besar dalam acara itu dan program kebudayaan selepas beberapa siri jelajah ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Selangor Kini pada program

Simfoni Muzikal dan Kebudayaan 2015 dan Exco *Le Tour Selangor* 2015 di Kompleks Metropoint, di sini, pada 15 November lalu.

Amirudin juga berharap pertandingan seumpama itu dapat menarik minat lebih ramai golongan belia untuk mengasah bakat dalam bidang seni.

Terdahulu, pentas utama Kompleks Metropoint digegarkan dengan persembahan beberapa band yang menyertai pertandingan *Battle Of The Band* sempena *Exco Le Tour Selangor* 2015.

Pertandingan yang menawarkan hadiah RM1,000 dan piala iringan untuk pemenang pertama itu dimenangi Topeng, manakala Oksigen di tempat kedua membawa pulang hadiah RM700 dan Master Piece di tempat ketiga (RM500).

Selain pertandingan *Battle Of The Band*, turut ditampilkan persembahan berkonsep muzikal lain seperti orkestra klasik dan kontemporari, ukulele, nyanyian irama balada, pop muzik, irama Cak Lempong, paluan gong serta tarian tradisional masyarakat Malaysia.



“

Kali ini di Kajang, kita ada pertandingan *Battle Of The Band*. Saya dapati ada permintaan besar dalam acara itu dan program kebudayaan selepas beberapa siri jelajah ini

AMIRUDIN SHARI
Exco Kebudayaan



Teater atas pokok dipentas November

SHAH ALAM - Sebuah persembahan teater berpentaskan pokok yang bertajuk 'Atas Pokok' bakal diadakan pada November ini, kata Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari.

Katanya, RM120,000 diperuntukkan

bagi menjayakan teater hasil karya Sas-terawan Negara, Usman Awang yang bakal berlangsung di Shah Alam.

"Ia akan dilaksanakan kumpulan Seni-man Paksi Rakyat (PAKSI) untuk mengiktiraf naskhah agung yang mengangkat tema kemanusiaan. Ia sesuai untuk

penghayatan masyarakat.

"Ini adalah sesuatu yang unik apabila pokok dijadikan pentas. Ia pertama di Malaysia mungkin juga dunia," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 3 November lalu.

Beliau menjawab soalan Saari Sungib

(PAS-Hulu Klang) berhubung peruntukan bagi menyokong kegiatan teater di Selangor.

Pada 2009, peruntukan RM100,000 dikeluarkan khusus untuk persembahan teater 'Surah Junjungan' yang berlangsung di Shah Alam.

Asan dan Petaling Jaya tingkat kerjasama dua hala

PETALING JAYA - Bandar raya Asan di Korea Selatan dipilih sebagai bandar keempat memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Petaling Jaya selepas Bandung (Indonesia), Guangzhou (China) dan Saifama (Jepun).

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Mohd Azizi Mohd Zain, berkata pemilihan Asan dibuat ekoran kemajuan dan prestasi cemerlang kota itu dalam pelbagai sektor.

Katanya, perjanjian itu membolehkan MBPJ menambah ilmu dan mempelajari teknologi maklumat, penyediaan infrastruktur, sistem pengangkutan, kemudahan awam, pengurusan sisa pepejal serta pembersihan.

"Selain itu, program pertukaran kakitangan selama tiga hingga enam bulan turut dilaksanakan untuk mewujudkan hubungan baik antara dua bandar raya," katanya sempena MoU MBPJ dengan bandar raya Asan di Hotel Royale Chulan, pada 11 November lalu.

Delegasi Korea Selatan di-



Kerjasama Asan dan Petaling Jaya memantapkan hubungan dua hala bagi kemakmuran ekonomi bersama

kili Datuk Bandarnya, Bok Ki-Wang yang memeterai perjanjian persefahaman dua hala untuk mewujudkan kerjasama serantau.

Sebelum ini, pegawai atasan dari bandar raya Asan melakukan kunjungan ke MBPJ untuk

mendapatkan maklumat berkenaan perkhidmatan PJ City Bus yang diwujudkan sejak 2014.

Selain itu, mereka bertukar pandangan budaya Korea dan Malaysia terutama daripada aspek seni.

Selangor edar 3,000 tong sampah percuma

Tahun depan tambah 10,000

OLEH NAZLI IBRAHIM

AMPANG - Pemberian tong sampah percuma kepada kawasan perumahan di Selangor ditingkatkan kepada 10,000 unit pada tahun hadapan berbanding hanya 3,000 unit tahun ini.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata langkah itu diambil sebagai salah satu mekanisme membaiki sistem kutipan sampah di negeri termaju itu.

"Isu ini masih jadi perbualan ramai dan ia perlu diteruskan kerana tidak ada maknanya Selangor jadi 'Smart State' dalam tempoh tiga tahun akan datang tetapi sampah masih menjadi isu," katanya.

Mohamed Azmin berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penyerahan Pembekalan Tong Sampah Percuma kepada PBT Selangor di Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), pada 9 November lalu.

Sekurang-kurangnya 3,000

Langkah itu diambil sebagai salah satu mekanisme membaiki sistem kutipan sampah di negeri termaju itu

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

unit tong sampah dibekalkan kepada 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi fasa pertama dengan kos RM271,000.

Sementara RM1 juta lagi akan disalurkan tahun hadapan bagi membekalkan 10,000 unit tong sampah.

"Kerajaan Negeri juga mengkaji untuk memberikan tong sampah yang sesuai dengan konsep kitar semula yang mengasingkan sampah organik dan kitar semula," katanya.

Bayar sewa ikut hari berniaga

SHAH ALAM - Peniaga pasar pagi di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dibenarkan memilih jumlah hari berniaga di dalam seminggu bermula 2016.

Pegawai Komunikasi Korporat MPSJ, Muhammad Azli Miswan, berkata ia berbeza dengan kaedah semasa yang mewajibkan

peniaga berniaga setiap hari.

Katanya, pembaharuan itu membolehkan peniaga membayar fi lesen dan sewa tapak mengikut hari berniaga sahaja. Kaedah ini menjimatkan peniaga kerana tidak perlu bayar sewa pada hari tidak menjalankan perniagaan.

"Ia juga dapat mengelakkan aktiviti menyewa tempat kepada pihak lain yang menjalankan perniagaan tanpa mempunyai lesen dan petak niaga daripada MPSJ," katanya dalam kenyataan.

Sebelum ini, terdapat kes menunjukkan peniaga menyewakan petak niaga kepada pihak lain pada hari mereka tidak berniaga.



1 PETAK
1 HARI - RM134
2 HARI - RM238
3 HARI - RM342
4 HARI - RM390

2 PETAK
1 HARI - RM238
2 HARI - RM446
3 HARI - RM654
4 HARI - RM750

3 PETAK
1 HARI - RM342
2 HARI - RM654
3 HARI - RM966
4 HARI - RM1,110



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/ Kelas, Kepala & Sub Kepala	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	MENAIKTARAF JALAN KG. LOMBONG, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN. (CH 6000 - 6930) JKR/SEL/ (N)007(T)2015	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan: CE01, CE02 & CE21	RM715.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 07/12/2015 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Selangor. No. Telefon: 03 55447748

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat Tempatan:
T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)
A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Ahli Majlis culas, khidmat ditamatkan

SHAH ALAM - Ahli Majlis yang culas menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat di zon masing-masing berdepan tindakan tegas termasuk ditamatkan perkhidmatan.

Exco Kerajaan Tempatan, Ean Yong Hian Wah, berkata Kerajaan Negeri sedia membuat siasatan sebelum tindakan keras itu diambil.

"Adun Selangor digesa lapor kepada Kerajaan Negeri jika terdapat Ahli Majlis yang gagal memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

"Kita mahu Ahli Majlis dilantik berfungsi sepenuhnya dan mencapai prestasi dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat," katanya.

Hian Wah berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Dr Idris Ahmad (KEADILAN-Ijok) pada persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 11 November lalu.

Persekutuan belum respon pengecualian GST

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri belum menerima jawapan Kerajaan Persekutuan berhubung permohonan pengecualian Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) untuk pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor walaupun sudah enam bulan berlalu.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata gesaan Kerajaan Negeri supaya pelaksanaan GST dikaji semula ekoran kelembapan ekonomi turut dipandang sepi Kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Belum ada maklum balas positif dan nampak gayanya seperti dijangka, mereka tidak bersetuju cadangan itu tetapi belum ada jawapan bertulis," katanya kepada Selangor Kini pada 9 November lalu.

Mohamed Azmin dalam kenyataannya pada Mei lalu berkata, Kerajaan Negeri menghantar surat kepada Kementerian Kewangan bagi memohon pengecualian GST dilaksanakan di peringkat PBT untuk mengurangkan beban rakyat ekoran pelaksanaan cukai itu pada April lalu.

Katanya, langkah itu adalah lanjut-

an daripada keputusan dibuat dalam Mesyuarat Exco sebelumnya bagi mendapat pertimbangan Kementerian Kewangan sebelum diselaraskan di 12 PBT negeri itu.

"Kita sedaya upaya membantu rakyat Selangor yang terkesan dengan GST ini membabitkan inisiatif lain yang diumumkan dalam Belanjawan Selangor 2016.

"Saya gembira belanjawan ini mendapat sokongan ahli dewan dan sekarang kita tumpu soal pelaksanaan untuk menjayakan belanjawan ini," katanya.

“

MDKS juga dalam perancangan dan tindakan mengumpul gerai haram untuk ditempatkan di kawasan itu

EAN YONG
Exco Kerajaan Tempatan



Sewa percuma di Medan Selera Bestari Jaya

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menawarkan pengecualian sewa untuk tempoh tertentu bagi mereka yang berminat menguruskan Medan Selera Bestari Jaya.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata MDKS juga dalam perancangan dan tindakan mengumpul gerai haram untuk ditempatkan di kawasan itu.

"Suasana suram di rehat dan rawat (R&R) Ijok berpunca daripada kurangnya pencahayaan dengan dua unit sahaja beroperasi pada waktu malam sementara majoriti yang lain beroperasi

waktu siang.

"Jadi, MDKS mengkaji semula faktor infrastruktur seperti taman permainan, pencahayaan dan papan tanda arah R&R berlampu pada waktu malam," katanya.

Hian Wah (DAP-Seri Kembangan) menjawab soalan Dr Idris Ahmad (KEADILAN-Ijok) berhubung langkah pihak berkuasa tempatan (PBT) menghidupkan semula tempat perniagaan yang diibaratkan 'hidup segan mati tak mahu'.

Katanya, MDKS juga akan memperbanyakkan promosi sewaan premis kosong di laman sesawangnya selain menggantung kain rentang sekitar lokasi berkenaan.



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Kerajaan Negeri Selangor** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Taklimat Tender	Pembelian Dokumen
TENDER BAGI KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SESALUR HUJAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI PANGSAPURI TAMAN BUNGA NEGARA, BLOK 37, 38 & 39, JALAN SELAYANG SATU 27/27A, TAMAN BUNGA NEGARA, 40400 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN. No Tender: LPHS/T/K/15/07	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred: G3 Kategori: B & CE Pengkhususan: B04, B15 dan CE21 Taraf: Bumiputera Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM 164.00 (Tidak Akan Dikembalikan) Bayaran dalam bentuk Draf Bank/Kiriman Wang atas nama:- Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Khamis 26 November 2015 Jam 10.30 pagi Tingkat Bawah, Blok 39, Pejabat Pihak Badan Pengurusan Bangunan Strata, Pangsapuri Taman Bunga Negara (Taklimat Tender adalah WAJIB)	26 November 2015 sehingga 04 Disember 2015 <i>Waktu Pejabat:- (8.30 pagi – 1.00 tengah hari dan 2.00 petang - 4.00 petang)</i> <i>Kecuali Jumaat (8.30 pagi – 12.00 tengah hari dan 3.00 petang - 4.00 petang)</i>

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada **19 November 2015 (Khamis)** pada waktu pejabat di **Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor**.

Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada **penama yang dinamakan/wakil yang sah sahaja yang telah menghadiri taklimat**. Untuk maksud ini, pemilik / wakil-wakil syarikat **DIWAJIBKAN** membawa surat pengesahan sebagai wakil syarikat bersama dokumen asal **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN Selangor** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender. Sila bawa bersama **Cop Syarikat**.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari 09 Disember 2015 (Rabu)**, kepada:-

PENGARAH EKSEKUTIF
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor
 Tingkat 5, Podium Utara,
 Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
 No Tel: 03-5544 7906, No Faks: 03-5510 4137

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Kenyataan tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor seperti berikut: <http://lphs.selangor.gov.my>

Biasiswa Sagong Tasi

Sepuluh Orang Asal ke UNISEL

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Seramai 10 anak Orang Asal akan dipilih menerima Biasiswa Sagong Tasi yang membolehkan mereka melanjutkan pengajian ke Universiti Selangor (UNISEL) bermula 2016.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata pemilihan calon kemasukan ke UNISEL akan mengambil kira beberapa kriteria ditetapkan.

"Ini juga bagi memastikan hasrat Kerajaan Negeri dalam membantu anak Orang Asal melanjutkan pelajaran khususnya yang datang dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah.

"Kerajaan Negeri juga memperuntukkan Biasiswa Sagong Tasi berjumlah RM10 juta yang termasuk di bawah Biasiswa Se-

langorku," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, perbincangan awal sudah dibuat antara Kerajaan Negeri dengan Ketua Komuniti Orang Asal Bukit Tapoi bersama wakil UNISEL, pada 7 Oktober lalu.

"Hasil daripada perbincangan itu, program Biasiswa Sagong Tasi diadakan di Kampung Orang Asli Bukit Tapoi, Sepang yang dijangka, pada November ini.

"Kerjasama itu dibuat memandangkan mekanisme pelaksanaan program Biasiswa Sagong Tasi memerlukan pendekatan berbeza berbanding biasiswa di bawah Selangorku," katanya.



UNISEL tiada halangan ambil lepasan Sijil UEC

SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) sedia menerima pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) selepas penambahan syarat kemasukan diluluskan mulai tahun depan.

Exco Pendidikan, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata UNISEL mendapati tiada halangan Daftar Kelayakan Malaysia (MQA) atau pendidikan tinggi untuk mengambil pelajaran daripada lepasan UEC.

Katanya, keputusan itu dilakukan selepas perbincangan antara Standco Pendidikan bersama UNISEL, KUIS, IN-SPEN dan Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), pada 7 September lalu.

"UNISEL perlu memohon penambahan syarat kemasukan setiap program. Kini, UNISEL sedang dalam proses meneliti syarat kemasukan dikeluarkan MQA dengan syarat kemasukan sedia ada.

"Pengambilan lepasan UEC diambil

“UNISEL perlu memohon penambahan syarat kemasukan setiap program. Kini, UNISEL sedang dalam proses meneliti syarat kemasukan dikeluarkan MQA dengan syarat kemasukan sedia ada

NIK NAZMI
Exco Pendidikan

selepas kelulusan penambahan syarat kemasukan diluluskan," katanya.

Terdahulu, katanya, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2016 menyatakan pengiktirafan ke atas UEC ekoran menyedari peranan besar dimainkan sekolah jenis kebangsaan Cina dalam membangunkan modal insan.

Jawatan Kosong

WEBMASTER

Kelayakan

Gaji: RM 2,500 - RM 3,300

Ijazah / Diploma Sains Komputer atau berkaitan

Berpengetahuan membina dan mengemaskini laman sesawang. Boleh mencipta, menyelenggara web menggunakan WORDPRESS, HTML Coding dan CSS (Pengetahuan dalam JavaScript / JQuery adalah satu keperluan)

Biasa dengan Content Delivery Network (Cloudflare Business), DNS Management, MySQL Databases

Berpusat di Shah Alam, Selangor

Emailkan resume ke:
sai@ccsb.selangorku.com

TARIKH TUTUP
30 NOVEMBER 2015

Iktiraf UEC terima respon positif

“Banyak inisiatif dan respon positif yang kita terima selepas Kerajaan Negeri mengumumkan untuk mengiktiraf sijil UEC dengan kupasan Exco Pendidikan

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

SHAH ALAM - Tindakan Kerajaan Negeri mengumumkan pengiktirafan ke atas Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) bagi sekolah menengah persendirian Cina mulai tahun depan mendapat respon positif semua pihak.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri menerima semua pandangan dan teguran untuk menterjemahkan Belanjawan 2016 ke arah lebih baik.

"Banyak inisiatif dan respon positif yang kita terima selepas Kerajaan Neg-

eri mengumumkan untuk mengiktiraf sijil UEC dengan kupasan Exco Pendidikan, Nik Nazmi Nik Ahmad.

"Apabila diumumkan inisiatif itu, ia mendapat respon yang cukup positif daripada semua pihak," katanya dalam pengumuman Rang Undang-Undang Pembekalan di Sidang Dewan Negeri, di sini, baru-baru ini.

Sebelum ini, Universiti Selangor (UNISEL) mengiktiraf UEC bertujuan untuk menangani masalah penghijrahan cendekiawan yang semakin serius.

Adun Muda kembali lagi 9 Disember

SHAH ALAM - Pelajar dan belia berpeluang menyertai Program Adun Muda Selangor 2015 bagi Sesi III bermula 9 hingga 10 Disember ini.

Pegawai Penyelaras Pejabat Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Joyce Chow, berkata 56 anak muda dipilih untuk menyertai program itu dan mewakili setiap kawasan DUN.

Katanya, ia dibuka kepada pelajar dalam lingkungan umur 18 hingga 24 tahun daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

"Tujuan program ini untuk memberi pendedahan politik di peringkat

awal kepada anak muda supaya lebih berminat membabitkan diri dalam proses penggubalan undang-undang.

"Mereka diberi peluang untuk mengalami prosiding sebenar dan mencadang serta membahaskan usul khususnya yang memberi impak kepada golongan anak muda," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, persidangan itu bakal dipengerusikan Speaker DNS, Hanah Yeoh dan timbalannya, Shafie Ngah yang turut mengetuai panel pemilihan peserta.

"Melalui program ini juga, pelajar digalakkan meningkatkan pemikiran kritis berkenaan polisi kerajaan serta berpeluang mengenali Adun Selangor dengan lebih dekat," katanya.

Tempoh permohonan program anjuran Pejabat Dewan Negeri Selangor itu dibuka selama tiga minggu mulai 9 November hingga 26 November ini.

Mereka yang berminat untuk menyertai program itu dikehendaki membuat permohonan secara dalam talian di laman sesawang dewan.selangor.gov.my.



Terapis PWB jana pendapatan ibu tunggal

SHAH ALAM - Pusat Wanita Berdaya (PWB) melangkah setapak lagi ke hadapan dengan Program Terapis PWB, kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Beliau berkata, seramai 20 daripada 60 wanita terpilih menyertai program perintis itu dan mereka yang lulus temuduga bakal menyertai kursus selama enam hari.

"Mereka dibekalkan dengan ilmu berkenaan menjadi ahli terapi yang baik.

"Ini memberi peluang kepada golongan wanita terutama ibu tunggal untuk menjana pendapatan keluarga," katanya

dalam kenyataan.

Terdahulu, beliau menyempurnakan pelancaran Program Terapis PWB di Wisma Mustika Ratu, Taman Shamelin Perdana, Kuala Lumpur.

Pada 30 Oktober lalu, RM3 juta diperuntukkan untuk PWB melalui Belanjawan Selangor 2016 yang bertemakan 'Membangun Smart Selangor Yang Peduli Rakyat'.

Peruntukan itu antara lain bagi membangunkan program PWB Shoppe yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan 'home-based' bagi usahawan wanita luar bandar.

Persekutuan perlu hargai potensi wanita

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Sektor wanita tidak harus dikategorikan sebagai perbelanjaan kebajikan dalam penyediaan belanjawan negeri atau negara.

Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail, berkata perbelanjaan wanita seharusnya diletakkan melalui perbelanjaan pembangunan untuk menjamin kesan jangka masa panjang.

Katanya, tindakan meletakkan wanita berterusan di bawah label kebajikan seperti merendahkan-potensi besar golongan itu dalam pembangunan.

"Ini yang dilakukan Kerajaan Persekutuan apabila perbelanjaan itu selalunya diletakkan di bawah kebajikan, jadi bagaimana wanita dapat manfaat jangka panjang.

"Bajet 2016 juga jelas tiada perbelanjaan khusus untuk wanita dan ia adalah sesuatu yang mengecewakan," katanya kepada Selangor Kini, pada 16 November lalu.

Pada 23 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak membentangkan Bajet 2016 dengan peruntukan RM267 bilion.

“

Tindakan meletakkan wanita berterusan di bawah label kebajikan seperti merendahkan-potensi besar golongan itu dalam pembangunan

RODZIAH ISMAIL
Adun Batu Tiga

Rodziah berkata, usaha Kerajaan Selangor lebih ke hadapan dan menghargai potensi wanita dalam menyumbang kepada pembangunan negeri.

"Saya yakin dengan komitmen kepimpinan negeri dan wakil rakyat, wanita Selangor pasti akan menjadi contoh kepada negeri lain dalam menjalani kehidupan lebih mencabar hari ini," katanya.

Lebih 1,000 ibu bapa daftar anak

KUALA LANGAT -

Lebih 1,000 warga daerah Kuala Langat membanjiri Dewan Orang Ramai Teluk Panglima Garang sempena Hari Terbuka Skim Tunas Selangor, pada 14 November lalu.

Bermula jam 8 pagi, ibu bapa dilihat berpusu-pusu mendaftar Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) bagi anak berumur lima dan enam tahun untuk sesi 2016.

Selain pendaftaran, ibu bapa turut diberikan taklimat berkenaan program yang memberi bantuan RM50 sebulan kepada mereka yang layak itu.

Turut diadakan adalah pameran dan pendaftaran tadika juga pra sekolah serta program Masyarakat Ekonomi Selangor (MES).

Pada masa sama, kanak-kanak juga berpeluang menyertai pertandingan mewarna selain mo-



tivasi keibubapaan 'parenting talk'.

Bantuan TUNAS tidak disalurkan dalam bentuk wang tunai sebaliknya yuran yang dimasukkan terus kepada tadika berdaftar dengan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor.

Antara syarat kelayakan TUNAS adalah warganegara Malaysia sama ada ibu, bapa atau anak yang lahir dan bermastautin di Selangor secara sah sekurang-kurangnya lima tahun dengan pendapatan isi rumah tidak boleh melebihi RM2,500.

Pendaftaran juga boleh dilakukan secara dalam talian di laman sesawang e-tunas.org atau hubungi 03-55103468.

TUNAS dan TAWAS buat ibu tenang

KUALA LANGAT - Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) dilihat sebagai antara penyelamat kos sara hidup yang semakin menekan hari ini.

Guru, Noor Shaliza Muhammad Shawal, 33, berkata dengan bantuan RM50 sebulan diterima anaknya membolehkan dia dan keluarga berjimat.

"Jika setahun, jumlah itu banyak juga dan boleh dimanfaatkan ke tempat lain seperti persiapan anak masuk sekolah kebangsaan.

"RM50 sebulan amat bermakna dan besar nilainya terutama untuk orang seperti kami yang berpendapatan sederhana," kata ibu anak lima itu kepada Selangor Kini, pada 14 November lalu.

Shaliza dari Kanchong Darat ditemui selepas pendaftaran Skim TUNAS untuk anaknya yang akan memasuki pra sekolah tahun hadapan.

Bertempat di Dewan Orang Ramai Teluk Panglima Garang, lebih 1,000 ibu bapa hadir bagi mendengar taklimat dan melaku-



Shaliza Muhammad Shawal



Norjiani Rahmat

kan pendaftaran TUNAS.

Sementara itu, Norjiani Rahmat, 35, berharap promosi TUNAS dapat diperluas untuk manfaat lebih ramai rakyat.

"Saya dapat tahu daripada tadika. Jika tidak, saya mungkin terlepas bantuan bermakna seperti ini.

"Mungkin Kerajaan Negeri perlu menggunakan media dengan lebih meluas untuk tujuan promosi," kata penjawat awam beranak empat itu.

Selain mendaftar bantuan TU-

NAS, anaknya yang bongsu turut mendapat manfaat Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS).

Skim TUNAS memperuntukkan RM50 setiap bulan dalam bentuk yuran kepada anak yang layak serta belajar di tadika berdaftar dengan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor.

TAWAS pula adalah hadiah tabung simpanan berjumlah RM100 kepada anak Selangor yang baru lahir dan pada usia 18 tahun, mereka menerima RM1,500 hasil pelaburan.

'Zakat Di Hati' terap kesedaran berzakat

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus memberi kesedaran kepada orang ramai berkenaan kewajipan berzakat melalui kempen mega 'Zakat Di Hati' yang berlangsung selama sebulan, bermula 16 November hingga 16 Disember ini.

Dalam laman Facebooknya, LZS berkata, kempen itu adalah usaha mendekati dan menanam roh zakat kepada golongan masyarakat supaya kefahaman berkenaan kewajipan berzakat berjaya disampaikan.

Katanya, ia juga bagi memastikan usaha dakwah itu memfokuskan kepada golongan sasaran melalui pelbagai pendekatan.

"Kempen ini disokong dengan program kutipan dan agihan dalam memberi informasi secara bersepadu kepada masyarakat.

"Semoga program ini berjaya direalisasikan dengan pembabitkan semua pihak termasuk kakitangan LZS, ejen zakat, penolong amil, organisasi korporat dan masyarakat," katanya.

Zakat Di Hati adalah kesinambungan kempen yang pernah dianjurkan LZS.

Penganjurannya kini memasuki tahun keempat selepas diperkenalkan pada 2012 ekoran sambutan menggalakkan yang mendorong kempen itu diteruskan.



Kempen ini disokong dengan program kutipan dan agihan dalam memberi informasi secara bersepadu kepada masyarakat

Kempen dengan tema bersama kami membantu asnaf #zakatselangor menemui orang ramai di beberapa lokasi seluruh Selangor yang ditetapkan setiap hari.

Melalui kempen itu, LZS juga menawarkan pelbagai jenis hadiah menarik yang ditawarkan seperti pakej umrah dan gajet elektronik.

Punca lewat urus kes cerai

Kurang tenaga kerja

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kekurangan hakim, pegawai penyelidik, pendafatar dan kumpulan sokongan lain menjadi punca kelewatan perbicaraan serta pengurusan kes penceraian di Selangor.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata tindakan pelanggan dan peguam menagguhkan kes pada tarikh sebutan turut menyumbang kepada kelewatan penyelesaian.

Katanya, kegagalan mematuhi prosiding ditetapkan mahkamah juga menyulitkan keadaan untuk sesuatu kes itu dibicarakan dalam tempoh singkat.

"Pengendalian kes Mahkamah Syariah tidak terhad kepada per-

KES PENCERAIAN DI SELANGOR (2013 - Oktober 2015)

Status	Mahkamah Syariah (Kes)	Mahkamah Sivil (Kes)
Daftar	9,587	1,498
Tertunggak	6,467	332

bicaraan sahaja sebaliknya ia secara umum akan membabitkan enam proses utama.

"Proses ini perlu dipatuhi mahkamah dan tidak boleh diketepikan demi mengelakkan berlaku ketidakadilan dalam kes itu," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 13 November lalu.

Beliau menjawab pertanyaan Rodziah Ismail (KEADILAN-Batu Tiga) berkenaan peningkatan kes penceraian di Selangor sejak 2013 sehingga kini.

Kes penceraian di Selangor membabitkan dua aspek iaitu institusi keluarga Islam (Mahkamah Syariah) dan bukan Islam (Mahkamah Sivil).

PBT berhak tolak tapak tak sesuai

SHAH ALAM - Permohonan pemaju menempatkan rumah ibadat di atas tapak tidak sesuai perlu ditolak.

Exco Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, IKS dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata ia boleh dilakukan kerana kuasa pembangunan dan

penempatan terletak dalam bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT)

"Ahli Majlis juga boleh memainkan peranan dengan memastikan penempatan tapak sesuai dan selamat," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 3 November lalu.

Beliau menjawab soalan tambahan Ng Suee Lim (DAP-Sekinchan) berhubung penempatan rumah ibadat bukan Islam berhampiran kawasan berbahaya.

Sejak 2008, sebanyak 196 tapak tanah diberikan Kerajaan Negeri untuk pembangunan rumah ibadat selain Islam.

#KitakanIslam
BUAT KERANA ALLAH

Sumbangan untuk:
Rumah Ngaji@Rumah Maghfirah
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794
No Akaun:1621 5171 1707 (Maybank)



MODERATOR Prof.Madya Dr.Mohd Nor Mamat

Raqib Majid (Dikir Zikir)

Dengan kerjasama

BUAL BICARA JALAN KE SYURGA (SIRI 3) TAHUN 2015

21 NOVEMBER 2015 (SABTU) | 9.00 MALAM - 11.00 MALAM
PENTAS UTAMA DATARAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM

TAJUK BUALBICARA 'DUNIA BERPENAT SYURGA BEREHAT'

Ustaz Syed Norhisyam Tuan Padang

Muhammad Alauddin bin Qasim

CABUTAN BERTUAH dengan pelbagai hadiah menarik disediakan

Selangor Strongest Man 2015 cungkil bakat baharu

OLEH NORHAYATI UMOR

PETALING JAYA - *Selangor Strongest Man 2015* menyasarkan penyertaan 600 peserta dengan kehadiran 5,000 pengunjung ke program julung kali diadakan itu.

Pengarah Majlis Sukan Negeri (MSN), Mohd Zubir Idrus, berkata program terbabit bertujuan memberi pendedahan kepada ahli bina badan dan anak muda berbakat melangkah ke tahap lebih tinggi.

"Kita mahu mewujudkan anak muda setiakawan, cergas dan sihat seterusnya mampu mewakili Selangor serta Malaysia ke kejohanan dunia," katanya pada majlis perasmian pertandingan itu, di Citta Mall, di sini, pada 11 November lalu.

Selangor Strongest Man 2015 membabitkan tujuh jenis acara membabitkan 'strongest man', 'arm wrestling', badan cantik, 'bench press', zumba, piloxing dan 5KM Fun Run yang akan bermula jam 7 pagi hingga 7 malam di Citta Mall, pada 21 November ini.

Zubir berkata, pertandingan itu terbuka kepada semua rakyat Ma-



Mohd Zubir Idrus dan Penyelaras Dun Kota Damansara, Mohd Radzlan Jalaludin melakukan aksi Gusti Lengan sebagai gimik pelancaran

aysia dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu atas 90 kilogram (kg) dan bawah 90 kg, selain perlumbaan menterbalikkan tayar, perlumbaan sambil mengangkat batang paip, menarik kereta serta menyusun barang.

"Masa terpantas akan dikira sebagai pemenang," katanya.

Selangor Strongest Man 2015 dijangka menjadi tumpuan kerana menawarkan hadiah wang tunai

RM3,000 dan trofi bagi tempat pertama setiap kategori, manakala *Arm Wrestling* dan *Bench Press* pula masing-masing menawarkan hadiah wang tunai RM500 juga trofi.

Bagi acara badan cantik, pemenang akan membawa pulang wang tunai RM3,000 dan trofi, bahkan penganjur turut mengadakan klinik juga program kesihatan yang memberi tips pemakanan serta senaman sihat.

Perangasng Fun Ride promosi Shah Alam bandar selamat

SHAH ALAM - Kira-kira 400 peminat sukan berbasikal menyertai acara *Perangasng Fun Ride* mengelilingi bandar raya Shah Alam sejauh 29 kilometer (km), di sini, pada 15 November lalu.

Acara anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi Perangasng Selangor (KELAB) dengan kerjasama Persatuan Berbasikal Selangor dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) itu bertujuan memupuk gaya hidup sihat, di samping menjalin hubungan rapat dengan penduduk setempat.

Presiden KELAB, Mohd Fauzi Mohd Ghazali, berkata acara julung kali itu juga bertujuan mempromosi Shah Alam sebagai bandar raya indah, selesa, selamat dan sesuai untuk beriadah.

"Selain *Fun Ride*, kami turut mengadakan sesi klinik berbasikal membabitkan program kesedaran dan informasi dikendalikan bekas jaguh lumba basikal negara, Mahazir Hamad dan Hadi Putra Ismail.

"Kayuhan bermula dari Daratan Kemerdekaan Shah Alam dengan perjalanan merentasi pusat bandaraya, kawasan perindustrian Seksyen 15, Seksyen 20, Seksyen 15 dan Seksyen 17," katanya.

Upacara pelepasan kayuhan itu dilakukan Mohd Fauzi yang turut disertai penerima anugerah olahragawan kebangsaan dan pemegang pingat emas Sukan Sea Brunei 1999, Shahrul Neeza.

MDSB rangkul tujuh emas SUKSES

SHAH ALAM - Majlis Sukan Daerah Sabak Bernam (MDSB) mengungguli acara taekwondo selepas berjaya merangkul enam pingat emas dalam Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) ke-11.

Kejayaan itu nyata menggemibirakan Yang Dipertua MDSB, Azlinda Azman, selepas mereka berjaya membawa pulang tujuh pingat emas secara keseluruhan dengan satu lagi pingat disumbangkan melalui acara memanah individu.

Katanya, pencapaian pungutan pingat kali ini jauh lebih baik berbanding sebelumnya walaupun terpaksa bersaing dengan

daerah lain.

"Pengurusan sesebuah organisasi sukan yang baik mampu melahirkan atlet cemerlang, sekali gus mengharumkan nama daerah ini sama ada di peringkat negeri atau negara. Komitmen semua pihak amat diperlukan dalam memastikan sukan ini mampu meraih kejayaan lebih cemerlang pada masa depan," katanya.

Selain meraih pingat emas, MDSB juga berjaya meraih 16 perak juga 15 gangsa dalam 13 acara keseluruhan yang dipertandingkan dan mereka hanya menyertai 12 acara selepas menarik diri saat akhir dalam tenpin bowling.

Golf amal Yayasan Islam Darul Ehsan kumpul RM500,000

SHAH ALAM - Sebanyak RM500,000 berjaya dikumpul hasil sumbangan anak syarikat kerajaan (GLC), swasta, agensi, badan korporat serta individu dalam Kejohanan Golf Amal Yayasan Islam Darul Ehsan 2015, pada 31 Oktober lalu.

Kejohanan anjuran Yayasan Islam Darul Ehsan itu diadakan bagi merealisasikan objektif utama sebagai peneryalur bantuan dan kebajikan umat Islam di Selangor

Sumbangan serta kutipan dana yang diterima disalurkan bagi melaksanakan aktiviti yayasan untuk bantuan kemasyarakatan seperti bantuan musibah, menguruskan hal ehwal anak yatim dan perkhidmatan rawatan hemodialisis.

Kejohanan itu disertai 120 peserta dari 19 syarikat kerajaan (GLC) dan swasta, agensi atau badan korporat



yang terdiri daripada pemain golf profesional, amatir atau penyumbang sendiri.

Majlis penyampaian sumbangan tajaan dan hadiah disampaikan Pengerusi

si Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa bersama Setiausaha MAIS selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Kejohanan Golf Amal, Datuk Bakhtiar Hussin.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
20 - 27 NOVEMBER 2015							
8 - 15 SAFAR 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Jumaat	5:31	5:41	7:01	1:02	4:24	6:59	8:12
21 Sabtu	5:31	5:41	7:02	1:02	4:24	6:59	8:12
22 Ahad	5:31	5:41	7:02	1:02	4:24	6:59	8:12
23 Isnin	5:31	5:41	7:02	1:02	4:24	6:59	8:12
24 Selasa	5:32	5:42	7:02	1:03	4:25	6:59	8:13
25 Rabu	5:32	5:42	7:03	1:03	4:25	7:00	8:13
26 Khamis	5:32	5:42	7:03	1:03	4:26	7:00	8:13
27 Jumaat	5:32	5:42	7:04	1:03	4:26	7:00	8:14
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Jumaat	5:33	5:43	7:03	1:04	4:26	7:01	8:14
21 Sabtu	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:14
22 Ahad	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:14
23 Isnin	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:14
24 Selasa	5:34	5:44	7:05	1:05	4:27	7:01	8:15
25 Rabu	5:34	5:44	7:05	1:05	4:27	7:02	8:15
26 Khamis	5:34	5:44	7:05	1:05	4:27	7:02	8:15
27 Jumaat	5:34	5:44	7:06	1:05	4:28	7:02	8:16

Tingkat aktiviti riadah

Stadium Kajang diberi nafas baru

OLEH NAZLI IBRAHIM

KAJANG - Stadium Kajang akan dinaiktaraf bagi memastikan ke-selesaan dan kemudahan orang ramai menggunakan kemudahan yang terletak di tengah bandar itu.

Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata ia ekoran stadium itu semakin menjadi tum-

puan untuk mengadakan pelbagai aktiviti riadah termasuk waktu malam selepas Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) membukanya untuk kegunaan orang ramai.

"Tahniah kepada MPKj yang membuka stadium ini kepada awam sejak dua, tiga tahun kebelakangan ini. Kita dapat lihat kemeriannya terutama pada malam minggu dan saya sudah berancang secara serius dengan MPKj

untuk menaiktaraf stadium ini.

"Bila MRT selesai dibina, kita akan menaiktaraf stadium MPKj," katanya ketika Simfoni Muzikal dan Kebudayaan 2015 dan Exco *Le Tour Selangor 2015* di Kompleks Metropoint, di sini, pada 16 November lalu.

Amirudin turut menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) lain mencontohi

langkah MPKj bagi menarik minat pelbagai lapisan masyarakat untuk memanfaatkan stadium daerah dengan pelbagai program riadah.

"Lokasi lain juga boleh mengadakan program seperti ini, namun perlu diteliti kerana Stadium Kajang terletak di tengah bandar jadi tak ada masalah. Sebahagian stadium lain pula berada di luar sedikit tetapi masih ada

ruang untuk diperbaiki," katanya.

Amirudin turut mencadangkan PBT meningkatkan kemudahan di stadium termasuk mewujudkan laluan bas awam bagi menarik minat masyarakat setempat beriadah.

Sebelum ini, Stadium Kajang yang agak 'mati' pada waktu malam mula menjadi tumpuan masyarakat setempat untuk menjalankan pelbagai aktiviti sukan.

Perangsang Fun Ride berlangsung di Dataran Kemerdekaan Shah Alam bertujuan memupuk gaya hidup sihat disamping menjalinkan hubungan rapat dengan penduduk setempat.



Gambar oleh Shuaib Ayob

Projek Rangsangan Sukan Selangor berjaya tarik 1,500 remaja

SHAH ALAM - Projek Rangsangan Sukan Selangor (RSS) yang diterajui Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) mendapat penyertaan 1,500 remaja.

Presiden Kelab Sukan dan Rekreasinya (KELAB), Mohd Fauzi Mohd Ghazali, berkata 250 peserta dipilih untuk digilap mengikut jenis sukan ditetapkan daripada jumlah keseluruhan itu.

"Setakat ini, penyertaan sangat menggalakkan. Kita bekerjasama dengan persatuan dan sekolah bagi pencarian bakat muda melalui Kem Pembangunan Bakat Sukan dan Pasukan Sukan Elit," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 15 November lalu.

Mohd Fauzi berkata, remaja terbabit digilap daripada 'sifar' menjadi cemerlang. Kita melatih

Usaha membangunkan remaja ini berjaya kerana ada dalam kalangan mereka berjaya mewakili Malaysia dalam beberapa pertandingan

MOHD FAUZI
Presiden KELAB

mereka melalui jurulatih profesional.

"Usaha membangunkan remaja ini berjaya kerana ada dalam kalangan mereka berjaya mewakili Malaysia dalam beberapa pertandingan," katanya.

Beliau berkata, RSS akan dite-



ruskan tahun hadapan dengan peruntukan yang akan diumumkan kelak.

Tahun lalu, Perangsang Selangor menandatangani memorandum persefahaman dengan lima kelab sukan untuk melaksanakan RSS bernilai RM1.8 juta

iaitu Kelab Boling Seintak (boling), Sukan J World (badminton), Sekolah Renang Supersharkz (renang), Persatuan Lumba Basikal Selangor (lumba basikal) and Sukan Munro (bola sepak).

Pelaksanaan Kem Pembangunan Bakat Sukan merangkumi pemilihan, latihan dan pembangunan ahli sukan muda berumur di antara sembilan sehingga 12 tahun oleh jurulatih profesional.



Perangsang Munro Kickers muncul juara Piala Bola Sepak Borneo 2015